



Perbadanan
Labuan



2011

Laporan Tahunan
Perbadanan Labuan



Isi Kandungan

- 2 Perutusan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
- 3-5 Perutusan Pengerusi
- 6-7 Kata Alu-Aluan Ketua Pegawai Eksekutif
- 8 Visi, Misi dan Objektif
- 8 Piagam Pelanggan
- 9 Fungsi-fungsi
- 10 Jawatankuasa Audit
- 11 Ahli Majlis Penasihat
- 12 Anggota Perbadanan Labuan
- 13-14 Kumpulan Pengurusan
- 15 Carta Organisasi
- 16-17 Mesyuarat Anggota / Utama
- 18-29 Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia
- 30-36 Perkhidmatan Perbandaran
- 37-43 Pembangunan Komuniti
- 44-55 Perancangan dan Pembangunan Komersial
- 56-67 Acara dan Promosi Pelancongan
- 68-73 Projek Pembangunan Wilayah dan Penilaian Outcome
- 74-79 Program Penghijauan Bandar dan Alam Sekitar
- 80-81 Undang-undang dan Penguatkuasaan
- 82-86 Hasil dan Kutipan
- 87 Audit Dalaman
- 88-89 Laporan Kewangan 2011
- 90-115 Penyata Kewangan 2011



Perutusan YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

Alhamdullillah, bersyukur kehadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan izinNya ,buku Laporan Tahunan Perbadanan Labuan 2011 telah berjaya diterbitkan.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bertanggungjawab ke atas tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Setiap Wilayah Persekutuan ini mempunyai kelebihan atau kekuatan yang tersendiri dan untuk itu, KWPKB telah membentuk Pelan Strategik bagi mewujudkan satu penanda aras kearah budaya cemerlang di peringkat KWPKB dan agensi-agensi di bawahnya yang bertanggungjawab untuk membawa kemajuan bertaraf dunia di setiap Wilayah-wilayah pentadbirannya.

Justeru itu, saya tidak nafikan hala tuju pembangunan Labuan sebagai Hab Minyak dan Gas, Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa dan Destinasi Pelancongan merupakan kekuatan yang ada pada Labuan yang merupakan penyumbang kepada peningkatan sumber ekonomi Negara dan seterusnya akan meningkatkan taraf Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah pulau industri maju pada masa hadapan. Selaku Menteri yang bertanggungjawab, saya berharap Perbadanan Labuan selaku *lead agency* di Wilayah Persekutuan Labuan memastikan keperluan-keperluan semasa yang diperlukan bagi merealisasikan hala tuju pembangunan Labuan diberi keutamaan. Selain itu, aspek kesejahteraan masyarakat dan bandar juga perlu ditekankan bagi mewujudkan pembangunan yang seimbang.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas iltizam dan usaha gigih Perbadanan Labuan dalam melaksanakan program dan aktiviti dengan jayanya sepanjang tahun 2011. Saya berharap warga Perbadanan Labuan akan terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun akan datang. Kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang mentadbir perlu ditingkatkan agar segala bentuk pembangunan, perancangan masa hadapan, aktiviti-aktiviti ke arah kesejahteraan masyarakat dapat dilaksanakan dengan berkesan yang akan memberi impak positif kepada rakyat dan Negara.

Terima kasih.

**YB Menteri Wilayah Persekutuan
Dan Kesejahteraan Bandar**



Perutusan YB Datuk Hj Yussof Hj Mahal
Pengerusi

Bagi pihak Perbadanan Labuan, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011. Syukur Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada Perbadanan Labuan atas penerbitan laporan ini. Mudah-mudahan masyarakat dapat menilai kesungguhan Perbadanan Labuan untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan dan seterusnya dapat dijadikan kayu pengukur kepada pencapaian sepanjang tahun 2011.

Perbadanan Labuan telah melalui satu dekad pentadbirannya sebagai agensi peneraju di WP Labuan. Berdasarkan tempoh tersebut, pelbagai cabaran yang telah ditempuh bagi memastikan misi dan visi tercapai khususnya dalam usaha kearah mencapai hala tuju pembangunan Labuan agar tidak ketinggalan dengan WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Bermula pada tahun 2011, Wilayah Persekutuan Labuan telah menggunakan 5 (lima) akta yang telah dipanjangkan pemakaianya ke Wilayah Persekutuan Labuan iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118). Dengan pemanjangan akta-akta ini, undang-undang yang sebelum ini hanya berkuasa di Semenanjung Malaysia telah diperluaskan pemakaianya ke WP Labuan dan diubahsuai mengikut keperluan dan keadaan semasa. PL telah mengadakan sebanyak enam siri taklimat kepada para pegawai PL untuk memberi kefahaman mengenai tatacara pengaplikasian undang-undang tersebut termasuk mengadakan sesi penerangan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pemanjangan akta berkaitan di WP Labuan.

Di bawah RM ke10, PL telah menerima peruntukan berjumlah RM13.0 juta untuk melaksanakan dua projek sambungan iaitu Projek Pembinaan Pasar Baru dan Projek Pembinaan Stesen Teksidan Bas. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember, sebanyak RM2.9 juta atau 22% daripada peruntukan telah dibelanjakan pada tahun pertama perlaksanaan RM Ke10. PL telah meneruskan kaedah pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan projek lewat pada tahun ini untuk memastikan kerja-kerja dapat dijalankan mengikut jadual. Bermula pada tahun 2005 hingga 2011, PL telah membelanjakan sebanyak RM270.77 juta atau 80.8 % daripada peruntukan RM Ke9 berjumlah RM334.97 juta untuk menyiapkan projek-projek di bawah RM Ke9.

Manakala bagi perbelanjaan mengurus tahun 2011, PL diluluskan peruntukan sebanyak RM51.2

Justeru itu, PL telah menyediakan Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan 2030 yang mengandungi pernyataan bertulis terhadap dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di WP Labuan. Pernyataan ini mengandungi langkah-langkah untuk mempertingkatkan persekitaran hidup dari aspek fizikal, perhubungan, lalulintas, kesejahteraan sosio ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan sosio ekonomi serta pembangunan mampan. PL telah melaksanakan program publisiti dan penyertaan awam terhadap kedua-dua draf tersebut bagi mendapatkan pandangan umum berkenaan cadangan dasar yang dikemukakan selama 30 hari dari 30 Disember 2011 hingga 27 Januari 2012.

Pada tahun 2011, seramai 1650 Ketua Ibu Rumah (KIR) di WP Labuan telah didaftarkan dalam data e-Kasih oleh Unit Penyelaras dan perlaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut, seramai 141 KIR dikategorikan Miskin Tegar yang menunjukkan bilangan ini telah meningkat berbanding tahun 2010 sebanyak 63%. Peningkatan bilangan ini disebabkan perubahan jumlah nilai perkapita pendapatan miskin tegar di bawah RM130 dan miskin RM230 berbanding tahun 2010 jumlah pendapatan miskin tegar di bawah RM110 dan jumlah pendidikan miskin di bawah RM200. Bagi tujuan tersebut, satu Majlis Jawatan kuasa Pembasmian Kemiskinan telah diwujudkan yang melibatkan sebanyak 17 buah agensi . PL telah melaksanakan sebanyak 4 program iaitu Program Peningkatan Pendapatan, Program Amanah Saham Wawasan, Program Basmi Kemiskinan (bayaran sewa rumah) dan Program Bina Rumah (PBR) bagi membantu golongan miskin tegar dan miskin dengan nilai peruntukan berjumlah RM1.094 juta.

PL juga telah menjalankan penilaian outcome terhadap projek di bawah RMKe9 iaitu pembinaan Marina Awam Labuan yang disiapkan pada tahun 2009 dan mula beroperasi pada April 2010 dengan kos projek berjumlah RM25 juta. Berdasarkan data penilaian outcome, projek ini telah memberikan tiga kesan impak iaitu aspek pembangunan, ekonomi dan sosial. Marina Awam Labuan telah menyediakan satu pusat pelabuhan dan menyelaras rekod bagi bot-bot kecil dan kapal layar yang singgah berlabuh melalui rekod dan kawalan keselamatan. Impak ekonomi pula, purata perbelanjaan pelayar-pelayar adalah dalam lingkungan RM50 hingga RM100 sehari untuk mendapatkan perkhidmatan utiliti di Marina Awam Labuan.

Manakala aspek sosial, kemudahan marina telah menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk Labuan dan menjadi tumpuan sebagai lokasi kepada acara-acara sukan air antarabangsa seperti *Borneo International Yachting Challenge (BIYC)* dan *Labuan International Sea Challenge*. Sebagai usaha mempromosikan Labuan sebagai hab minyak dan gas, PL dan Asian Supply Base Sdn Bhd telah bekerjasama dengan sebuah syarikat swasta menganjurkan Ekspo Minyak dan Gas 2011 bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan pada 2-4 November 2011. Ekspo ini bertujuan untuk menarik syarikat-syarikat perkhidmatan industri minyak dan gas antarabangsa untuk datang ke Labuan dan mendapatkan maklumat dan menjalin peluang-peluang perniagaan bagi industri berkaitan di Labuan. Terdapat penyertaan sebanyak 90 syarikat yang berkaitan industri minyak dan gas mewakili syarikat domestik dan syarikat antarabangsa dari Negara-negara Amerika Syarikat, Eropah, Korea, Singapura, Kuwait, Jepun dan lain-lain. Penganjuran ekspo ini telah berjaya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan dianggarkan transaksi bernilai lebih RM80 juta telah direkodkan semasa ekspo ini diadakan.

Saya berharap ekspo ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun seterusnya. Bagi menyokong hala tuju pembangunan Labuan dalam industri minyak dan gas, PL telah menyediakan lot-lot tapak tanah industri di Rancha-Rancha WP Labuan dengan jumlah kluasan 38.69 ekar yang bertujuan menempatkan pengusaha-pengusaha industri berkaitan minyak dan gas. Pada tahun 2011 dari pada 16 lot tanah yang disediakan, sebanyak 15 lot tanah telah dipajakkan. Demi mendokong hasrat kerajaan dalam memastikan pembangunan WP Labuan pada masa hadapan dapat dicapai, saya menyeru warga Perbadanan Labuan agar terus melipat gandakan usaha agar perkhidmatan yang diberikan semakin berkualiti dan berintegriti. Semoga dengan komitmen jentera pentadbiran Perbadanan Labuan ini dapat meningkatkan prestasi pembangunan yang boleh dinikmati oleh semua golongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar, jabatan dan agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan individu-individu yang telah turut serta dan bersama-sama memberi sumbangan dan kerjasama dalam perancangan dan pembangunan WP Labuan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga Perbadanan Labuan di atas komitmen dan sumbangan yang diberikan.

Sekian ,terimakasih.

YB DATUK YUSSOF MAHAL
PENGERUSI



Perutusan En Zainul Abidin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Perbadanan Labuan 2011.

Sepanjang tahun 2011, Perbadanan Labuan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program selaras dengan peranan dan fungsi PL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan beberapa tindakan penambahbaikan telah dijalankan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dapat dilaksanakan adalah Program Basmi Kemiskinan yang melibatkan bantuan kepada golongan miskin dan miskin tegar, Program Local Agenda 21 (LA21), Program Pembangunan Modal Insan iaitu program kepimpinan untuk Ketua-Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kampung, Program Lawatan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke WP Labuan dan pelbagai aktiviti lagi.

Bagi tujuan penambahbaikan organisasi, PL telah menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Labuan bagi tempoh 2010 hingga 2014. Pelan Strategik ini menyediakan rangka dasar, halatuju dan tanggungjawab PL bagi melaksanakan transformasi penyampaian perkhidmatan awam sejajar dengan keperluan pelanggan dan perubahan persekitaran. Perkara utama yang ingin dicapai adalah untuk memudahkan semua urusan yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi seperti perohonan lesen perniagaan. Bagi pembangunan sistem komunikasi maklumat, PL telah menaiktaraf Sistem Kewangan Century dan Sistem PLMIS Modul Property Assesment System bagi memenuhi kehendak Pekeliling dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Bagi tujuan pemuliharaan dan melindungi alam sekitar untuk mewujudkan persekitaran sejahtera, PL telah mengenal pasti beberapa kawasan hijau atau lapang untuk diwartakan sebagai kawasan rekreasi. Sebanyak 120.89 hektar telah diwartakan sebagai kawasan rekreasi dan seluas 13.58 hektar diwartakan sebagai kawasan lapang.

Dalam aspek pengurusan aduan, PL telah menerima sebanyak 2483 aduan pada tahun 2011 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 2473 aduan atau 99.5% telah diselesaikan. Bagi tempoh penyelesaian aduan, sebanyak 840 aduan 33% diselesaikan dalam tempoh 2 hingga ke 5 hari, 618 aduan atau 24.8% 1 hari, 448 aduan atau 18% 6 hingga ke 10 hari.

Usaha-usaha penambahbaikan akan sentiasa diberi perhatian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan urustadbir PL. Program-program latihan dan kursus juga akan ditingkatkan selain memupuk semangat kerjasama antara jabatan-jabatan melalui aktiviti rekreasi dan sukan.

Akhir kata, saya berharap warga PL akan saling bekerjasama dan memberikan komitmen yang tinggi khususnya dalam melaksana dan menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Untuk menjadikan PL sebagai organisasi yang berwibawa, semangat dan dedikasi yang tinggi perlu dipupuk di kalangan warga PL agar setiap cabaran yang datang dapat dihadapi dan ditangani sebaik-baiknya.

Terimakasih

Zainul Abidin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Misi, Visi, Objektif & Piagam Pelangan

Visi

Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pulau yang maju, indah dan ceria menjelang tahun 2015.

Misi

Memastikan pembangunan terancang melalui:

Pembangunan sosio ekonomi yang maju dan mampan

Peningkatan prasarana dan perkhidmatan yang berterusan

Menjadikan Pulau Labuan Taman Percutian dan Perniagaan yang unik dan menarik serta memenuhi citarasa kedamaian, ketenangan, kemewahan dan penuh cabaran.

Objektif

Menjadikan Perbadanan sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa.

Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia.

Menjadikan Perbadanan Labuan sebagai agensi Perancang dan Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari.

Piagam Pelanggan

Kami berjanji untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan mesra serta melaksanakan program pembangunan yang berkualiti selaras dengan dasar pembangunan Negara.

Fungsi-Fungsi

Fungsi-fungsi Perbadanan Labuan mengikut Seksyen 4 Akta 609 – Akta Perbadanan Labuan 2001 adalah seperti berikut:

- a) Memajukan dan merangsang Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan, kawasan bebas duti dan pusat perdagangan;
- b) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan social dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
- c) Memajukan, merangsang dan mengusahakan perkembangan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti rekreasi dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
- d) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
- e) Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan dalam Wilayah Persekutuan;
- f) Melaksanakan segala fungsi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
- g) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
- h) Menyelaraskan perlaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi iKerajaan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Ahli Jawatankuasa Audit

1



2



3



1

YBhg Dato' Azizan Bin Abd Rahman
Pengerusi

2

YBhg Dato' Noorizan Bt Shafie
Ahli

3

YBhg Datuk Himmat Singh A/L Ralla Singh
Ahli

Ahli Majlis Penasihat



YB Senator Datuk Hj Yunus Bin Hj Kurus
Pengerusi

YBhg Dato' Harris Bin Hj Annuar Tan
Ahli

YBhg Datuk Hj Yussof Bin Hj Mohammad
Ahli

YBhg Datuk Chin Chee Kee
Ahli

Cik Hjh Fauziah Binti Datuk Hj Mohd Din
Ahli

Drs. Harun Bin Pudin
Ahli

En. Ronald James Majaing
Ahli

Angota Perbadanan Labuan



1

2

3

4

5

6

7



1 YBhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal bin Talib
Pengerusi (Sehingga 31 Mei 2011)

2 YB Datuk Hj. Yussof B. Hj. Mahal
Pengerusi (Bermula 1 Jun 2011)
TimbalanPengerusi (Sehingga 31 Mei 2011)

3 YBhg Dato' Mohd Jamal B. Mahussin
Timbalan Pengerusi (Bermula 1 September 2011)

4 YBhg Dato' Sulaiman Bin Ibrahim
Ahli

5 YBhg En. Himmat Singh A/L Ralla Singh
Ahli (Sehingga 1 November 2011)

6 En. Ahmad Hizzad Bin Baharuddin
Ahli (Bermula 1 November 2011)

7 YBhg Dato' Azizan Bin Abd. Rahman
Ahli (Sehingga 30 September 2011)

8 YBhg Dato' Noorrizan Bt Shafie
Ahli (Sehingga 31 Ogos 2011)

12

Kumpulan Pengurusan

1



2



3



4



5



6



7



8



1

YBhg En. Zainul Abidin Bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

2

T. Ahmad T. Muda
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pembangunan dan Pengurusan)

3

Puan Siti Maznah Hj Awg Damit
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan Perbandaran)

4

Puan Norsiah Binti Udin
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran

5

En. Rithuan Bin Haji Mohd Ismail
Pengarah Khidmat Pengurusan

6

En. Suhami Bin Sainan
Penasihat Undang-Undang

7

En. Othman Bin Che Jusoh
Pengarah Pelancongan,
Kebudayaan dan Kesenian

8

En. Fadzilah Bin Haji Mahmud
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia

Kumpulan Pengurusan

9

10

11

12

13



14

15

16

17

18



9 En. Ibrahim Bin Tambi
Pengarah Perancangan dan Kawalan
Bangunan

10 Pn. Manisah Binti Hj Mahmud
Pengarah Pelaburan dan Sosio Ekonomi

11 Cik Wan Amishah Binti Wan Mahmud
Pengarah Pengurusan Maklumat

12 En. Patrick Majatig
Pengarah Pengurusan Kewangan dan Akaun

13 Ir. Ahmad Khir Bin Mohamad
Pengarah Pembangunan dan Kejuruteraan

14 En. Daniel Lee
Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta

15 En. Mahathir Bin Abdul Hamid
Pengarah Penguatkuasaan dan Perlesenan


16 Pn. Dayang Monira Binti Mohd Yusuf
Juruaudit

17 Pn. Jah Murniawaty Binti Markum
Pegawai Perhubungan Awam

18 En. Kamal Bin Yan
Pustakawan

14

Carta Organisasi



Mesyuarat Perbadanan Labuan / Utama

Mesyuarat Perbadanan Labuan

Mesyuarat PL merupakan mesyuarat yang utama di PL iaitu semua keputusan dasar akan dibuat dalam mesyuarat ini. Secara perundangan, Mesyuarat PL hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali dengan kuorum seramai empat orang. Tahun 2011 menyaksikan beberapa perubahan kepada keanggotaan PL dengan pelantikan anggota baru yang menggantikan anggota PL yang telah menamatkan tempoh keanggotaan atau meletak jawatan mereka. Berikut adalah senarai nama anggota-anggota PL setakat 31 Disember 2011.

- | | |
|---------------------------------------|----------------------|
| 1. YB Datuk Hj. Yussof B. Hj. Mahal | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Mohd Jamal B. Mahussin | - Timbalan Pengerusi |
| 3. YBhg. Dato' Sulaiman Bin Ibrahim | - Ahli |
| 4. Encik Ahmad Hizzad Bin Baharuddin | - Ahli |

Secara pentadbiran, segala urusan perjalanan mesyuarat PL diuruskan oleh Setiausaha Mesyuarat iaitu Pengarah Pejabat Penasihat Undang-Undang. Tahun 2011 telah merekodkan jumlah mesyuarat sebanyak tujuh kali iaitu satu jumlah yang memenuhi kehendak minima di bawah Akta 609. Sebanyak 29 kertas Pertimbangan dan 7 Kertas Makluman telah diangkat dan dibincangkan sepanjang tahun 2011. Jadual 1 di bawah menunjukkan tarikh dan tempat Mesyuarat PL diadakan.

Jadual 1: Mesyuarat Perbadanan Labuan

Bilangan	Tarikh / Tempat
KE-116 (1/2011)	14 Januari 2011 (Jumaat) Bilik Persidangan, Wisma PL
KE-117 (2/2011)	25 Februari 2011 (Jumaat) Bilik Persidangan, Wisma PL
KE-118 (3/2011)	25 Mac 2011 (Jumaat) Aras 7, KWPKB
KE-119 (4/2011)	27 April 2011 (Rabu) Aras 9, Perbadanan Putrajaya
KE-120 (5/2011)	12 Julai 2011 (Selasa) Bilik Mesyuarat A, Aras 6, KWPKB
KE-121 (6/2011)	13 Ogos 2011 (Sabtu) Bilik Persidangan, Wisma PL
KE-122 (7/2011)	22 Disember 2011 (Khamis) Bilik Mesyuarat A, Aras 6, KWPKB

Mesyuarat Majlis Penasihat

Mesyuarat Majlis Penasihat diadakan untuk memenuhi kehendak Akta PL 2001 yang memerlukan Majlis Penasihat memberikan nasihat kepada PL berhubung fungsi-fungsi kerajaan tempatan yang dilaksanakan oleh PL. Mesyuarat ini hendaklah bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun dengan kuorum seramai 5 orang. Secara pentadbiran, urusan perjalanan mesyuarat Majlis Penasihat diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Jadual 2 menunjukkan tarikh dan kekerapan mesyuarat yang telah diadakan:-

Jadual 2: Kekerapan Mesyuarat Majlis Penasihat

Bilangan	Tarikh
1/2011	24hb Februari 2011
2/2011	1hb April 2011
3/2011	22hb Jun 2011
4/2011	23hb Ogos 2011
5/2011	9hb Disember 2011
6/2011	27hb Disember 2011

Mesyuarat Utama

Dalam melaksanakan dasar dan urusan pentadbiran sepanjang tahun 2011, setiap jabatan telah diperlengkungjawabkan untuk melaksanakan mesyuarat utama mengikut fungsi jabatan masing-masing seperti berikut:-

Jadual 3: Mesyuarat Utama

Bil.	Mesyuarat Jawatankuasa	Bilangan
	Khidmat Pengurusan	
1.	Mesyuarat Pengurusan	12
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus	2
3.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	3
	Pengurusan Kewangan dan Akaun	
4.	Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun	4
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga	19
	Pengurusan Sumber Manusia	
6.	Mesyuarat Kenaikan Pangkat	4
	-Kumpulan Pengurusan & Profesional	3
	-Kumpulan Sokongan	2
7.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	3
8.	Mesyuarat Jawatankuasa HRMIS	4
9.	Majlis Bersama Jabatan	3
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan & Perkhidmatan	3
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib / Rayuan	2
12.	Mesyuarat SKT / KPI	
	Penguatkuasaan dan Pelesenan	
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kesihatan Umum	8
	Audit Dalam	
14.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4
	Hal Ehwai Korporat	
15.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aduan	3
	Perancangan dan Kawalan Bangunan	
16.	Mesyuarat Pusat Setempat (OSC)	9
	Pelaburan dan Sosio Ekonomi	
17.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan	3
	Pengurusan Maklumat	
18.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT	1

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Pensijilan MS ISO 9001:2008

Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang sebelum ini meliputi tiga skop utama kini telah ditambahbaik kepada pensijilan skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan. Hasil audit oleh SIRIM Berhad yang dilaksanakan pada 4 hingga 6 Januari 2012 melaporkan bahawa pihak audit telah berpuas hati dan mendapat Sistem Pengurusan Kualiti di Perbadanan Labuan adalah mengikut keperluan proses organisasi. Selari dengan pemakaian MS ISO 9001:2008, beberapa siri kursus telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pegawai berkenaan, iaitu :-

- i. Bengkel Pemurnian Dokumen ISO

11 hingga 13 Mei di Bilik Serbaguna, Tingkat 11, Menara PL

- ii. Bengkel 'Fast Track' Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008

20 hingga 22 Jun di Hotel Vistana, Pahang

- iii. Kursus Penandarasan (Benchmarking)

11 hingga 13 Julai di Bilik Serbaguna, Tingkat 11, Menara PL

- iv. Program Latihan ISO 'Intergrated Management System Introduction (IMS) Documentation for ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001'

10 hingga 11 Oktober di Melaka

Key Performance Indicator (KPI)

KPI untuk Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) disediakan berdasarkan kepada KPI Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (WPKB) dan Ketua Setiausaha KWPKB. Sebanyak 24 aktiviti telah dijadikan sasaran yang merangkumi lapan (8) teras iaitu:

- a) Pembangunan Modal Insan;
- b) Meningkatkan Produktiviti, Daya Saing dan Nilai Tambah WP Labuan;
- c) Meningkatkan Aktiviti Pelancongan di WP Labuan;
- d) Membasmi Kemiskinan di WP Labuan;
- e) Menyelaras Sumber Dengan Keutamaan Bagi Mempastikan Penggunaan Dana Awam yang Optima;
- f) Memperkasa Penggunaan Teknologi Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup;
- g) Menggubal dan Melaksanakan Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar; dan
- h) Melibatkan Masyarakat Dalam Penggubalan Dasar, Pembangunan dan Aktiviti Kemasyarakatan.

Daripada 28 aktiviti tersebut, 21 aktiviti bersamaan dengan peratusan sebanyak 87.5% telah berjaya mencapai sekurang-kurangnya status Mencapai Sasaran dengan 14 aktiviti (58.3%) daripadanya berstatus Sangat Melepas Sasaran.

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan Aduan

PL telah menerima aduan sebanyak 2483 aduan yang merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan awam, kebersihan, penguatkuasaan dan hanya 10 aduan masih dalam tindakan telah dibawa ke tahun berikutnya. Berikut adalah peratusan pecahan aduan mengikut kategori bagi tahun 2011:


Carta 1: Jumlah Aduan Awam



Kawalan Bangunan : 8 (0.3%)
Perkhidmatan : 13 (0.5%)
Penyelenggaraan Jalan : 27 (1%)
Penguatkuasaan : 44 (1.7%)
Penyelenggaraan Longkang : 13 (0.5%)
Kawalan Binatang Liar : 89 (3.5%)
Penebangan Pokok : 70 (2.8%)
Kawalan Kebersihan : 103 (4.1%)

Kemudahan Awam (Taman/Lampu/dll) : 2116 (85%)
jumlah aduan keseluruhan : 2483

Carta 2 : Jumlah Aduan Awam Mengikut Tempoh Masa Penyelesaian



>60 hari : 10 (0.4%)
31-60 Hari : 20 (0.8%)
21-30 Hari : 95 (3.8%)
16-20 Hari : 199 (8%)
11-15 Hari: 243 (9.7%)
6-10 Hari : 448 (18%)
2-5 Hari : 840 (33.8%)
1 Hari : 618 (24.8%)

Audit Nilai

PL telah melaksanakan Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) pada 9 hingga 11 November 2011 untuk mengukur tahap integriti pegawai dan kakitangan Perbadanan Labuan. Seramai 148 pegawai/kakitangan PL telah menjadi responden dalam kajian ini. Perincian hasil kajian adalah seperti berikut:-

Carta 3 : Perincian Hasil Kajian Audit Nilai



Nilai Organisasi : 57.58%
Kepuasan Pelanggan : 61.16%
Amalan Nilai : 61.71%
Index Komposit : 65.04%
Nilai Peribadi 68.77%
Nilai Idea : 72.90%

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Pembangunan Sistem ICT

a) Penambahan dan Menaiktaraf Sistem-Sistem Sedia Ada

Perbadanan Labuan telah melaksanakan penambahan dan menaiktaraf sistem-sistem sedia ada sesuai dengan tuntutan dasar dan keperluan semasa iaitu:-'

- i. Sistem Kewangan Century kepada Versi 8.0 untuk memenuhi kehendak Pekeliling PKPA 1/2011
- ii. Peningkatan Sistem PLMIS Modul Property Assessment System (PAS) bertujuan mematuhi kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk aspek cukai kadaran yang bakal berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2012.

Perjawatan

Jumlah keseluruhan jawatan pegawai termasuk jawatan tetap, kontrak, sambilan dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS) yang berkhidmat di organisasi ini adalah seramai 570 orang. Terdapat 25 lantikan baru telah dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan sehingga 31 Disember 2011.

Jadual 4 : Perjawatan

Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah Perjawatan 2011	Catatan (Lantikan Baru)
JUSA	1	-
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	51	16 Orang
Kumpulan Sokongan I	208	-
Kumpulan Sokongan II	310	10 Orang
Jumlah Keseluruhan	570	26 Orang

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Jadual 5: Statistik Penerima APC Tahun 2011:


Kategori	Jumlah Penerima 2010
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	7 orang
Kumpulan Sokongan I	16 orang
Kumpulan Sokongan II	18 orang
Jumlah Keseluruhan	41 orang

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Latihan

Sepanjang tahun 2011, pencapaian pegawai yang menghadiri kursus 7 hari adalah sebanyak 92% berbanding 82% pada tahun 2010. Jumlah ini adalah melebihi penetapan sasaran kerja tahunan melalui KPI yang telah ditetapkan sebanyak 60%. Manakala pencapaian pelaksanaan kursus pada tahun 2011 pula adalah 100% seperti yang telah dirancangkan dalam Jadual Perancangan Kursus.

Carta 4: Pencapaian 7 hari berkursus dalam setahun dari tahun 2008 hingga 2011



Taklimat, Pemeluasan dan Ubahsuai Undang-Undang ke Wilayah Persekutuan Labuan

Sepanjang tahun 2011, beberapa undang-undang yang sebelum ini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia telah diperluaskan pemakaianya ke Wilayah Persekutuan Labuan dan diubahsuai mengikut keperluan dan keadaan semasa. Undang-undang yang diperluaskan pemakaianya tersebut ialah:

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)
- Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118)
- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493)

Untuk memberi kefahaman mengenai tatacara pengaplikasian undang-undang tersebut, enam siri taklimat telah diadakan yang melibatkan 133 pegawai dan kakitangan Perbadanan Labuan yang disampaikan oleh Pegawai Undang-Undang baik dari Perbadanan Labuan mahupun yang dijemput dari agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Dalam masa yang sama, pemantapan pemahaman mengenai Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609) dan Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No.2) 1984 (Akta A585), taklimat mengenai undang-undang yang digunakan di Perbadanan Labuan ini telah diteruskan dengan memberi tumpuan kepada 100 pegawai dan kakitangan Perbadanan Labuan.

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Lawatan Perdana Menteri Malaysia



Sempena dengan Majlis Penutupan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011 yang diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan, pemimpin nombor satu negara, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak telah mengadakan lawatan kerja pada 26 Februari 2011. Di samping menutup Sambutan Hari Wilayah 2011 dengan sambutan yang gilang-gemilang dan cukup berwarna-warni, YAB Perdana Menteri turut menghadiri dan merasmikan beberapa program iaitu Majlis Penyempurnaan Sistem Bekalan Air Labuan Fasa II dan Majlis Perasmian Klinik 1Malaysia Labuan.



Lawatan YAB PM (Majlis Penutup HWP)



Lawatan YAB PM (Perasmian Klinik 1Malaysia)

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Lawatan TPM (Sesi Town Hall Bersama Jabatan Kerajaan dan NGO)



YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah mengadakan lawatan kerja ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 19 November 2011. Antara pengisian program yang telah dihadiri oleh beliau ialah:



Lawatan Majlis Penasihat Perbadanan Labuan ke Perth, Australia

Lawatan Kerja Perbadanan Labuan ke Perth, Australia telah diadakan pada 18-24 Oktober 2011. Tujuan lawatan adalah untuk mendapat pengalaman berkaitan pengurusan, kebersihan dan keselamatan bandar, pengurusan landskap dan taman botani, pengurusan padang golf awam, pasar awam dan marina. Lawatan kerja diketuai oleh Anggota Perbadanan Labuan, YBhg Dato' Sulaiman bin Ibrahim disertai oleh Pengurus dan Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dan 7 orang pegawai Perbadanan Labuan.

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Lawatan Rasmi Ke Perbadanan Labuan

Bil	Jabatan/Organisasi	Tarikh
1	Perbadanan Putrajaya	27 Feb
2	Majlis Perbandaran Tawau Sabah	29 Mac
3	Kakitangan Kerajaan/Pesara Daerah Bentong Pahang	30 Mac
4	Persatuan Kebajikan dan Rekreasi Jabatan Cetak Kerajaan Sabah	1-3 April
5	Majlis Daerah Kinabatangan Sabah	7 April
6	Maktab Turus Angkatan Tentera	7 April
7	Majlis Perbandaran Kajang Selangor	27 Mei
8	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia Cawangan WP Labuan	24 Jun
9	Majlis Daerah Tongod Sabah	30 Jun
10	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	7 Julai
11	Majlis Perbandaran Pasir Gudang Johor	7-8 Julai
12	Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP) SMK Mutiara Labuan	27 Julai
13	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	23 Oktober
14	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	28 Oktober
15	Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial UMS	9 November
16	Majlis Daerah Tambunan Sabah	2 Disember



Lawatan Media Ke WP Labuan


Dalam usaha menyahut seruan untuk mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan dalam aspek pelancongan, Perbadanan Labuan dengan kerjasama penuh daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah menerima lawatan daripada media-media elektronik mahupun media massa antaranya krew NONA TV3, Panorama TV1, Agro Jurnal TV1, Media Tamil, Media Cina, Majalah Santai dan RTM Sabah bertujuan untuk memperkenalkan Wilayah Persekutuan Labuan dan memberi peluang kepada pihak media melihat sendiri kerancakan pembangunan sosio ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Perkhidmatan Kaunter

PL telah mengadakan kajian kepuasan pelanggan di kaunter khidmat pelanggan sepanjang tahun. Keputusan kajian ialah purata 96.95% berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh PL. Perincian adalah seperti graf berikut:

Carta 5: Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan Kaunter



Perhimpunan Bulanan

Perhimpunan Bulanan Perbadanan Labuan telah diadakan sebanyak 5 kali termasuk Perhimpunan Bersama YB Menteri WPKB dan KSU KWPKB iaitu pada 26 Januari 2011, 10 Februari 2011(bersama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar), 1 April 2011, 10 Jun 2011 (bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar) dan 8 Ogos 2011.



1 Kaunter Khidmat Pelanggan

Sesi Perhimpunan Bulanan KWPKB di WP

Perkhidmatan Korporat Dan Pengurusan Sumber Manusia

Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)

Bengkel Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) peringkat Perbadanan Labuan telah diadakan pada 4 hingga 7 April 2011. Dalam bengkel dan konvensyen kali ini, sebanyak sembilan kumpulan yang mewakili Jabatan-Jabatan di Perbadanan Labuan telah menyertainya dengan membentangkan pelbagai idea kreatif penyelesaian masalah dalam tugas utama jabatan. Mini Konvensyen kali ini dimerangka oleh Kumpulan ILMU daripada Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan. Kumpulan ILMU seterusnya mewakili Perbadanan Labuan dalam Konvensyen ICC Wilayah Sabah yang telah diadakan pada 28 April 2011 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu dan dalam konvensyen berkenaan, Kumpulan ILMU telah berjaya meraih Anugerah Emas.

Anugerah Floria Putrajaya 2011

Floria Putrajaya 2011 yang telah dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya pada 6 hingga 17 Julai 2011 telah menitipkan kenangan manis buat Perbadanan Labuan. Untuk penyertaan kali ini, dengan tema Homestay, Perbadanan Labuan telah memperolehi Anugerah Gangsa Lighting.



Penyertaan PL ke Perarakan Maulidur Rasul 1432H Peringkat Labuan

Perbadanan Labuan telah menghantar kontinjen seramai 44 orang menyertai Perarakan Maulidur Rasul 1432H Peringkat Labuan anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI) yang telah diadakan pada 15 Februari 2011 di Dataran Labuan. Kontinjen Perbadanan Labuan telah mendapat tempat ketiga bagi kategori jabatan kerajaan.

Majlis Malam Jasamu Dikenang Perbadanan Labuan

Majlis ini telah diadakan pada 16 Julai 2011 di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Labuan. Majlis yang bertemakan warna biru putih ini bertujuan untuk menghargai perkhidmatan pegawai dan kakitangan Perbadanan



Malam Jasamu Dikenang



Sambutan Maulidulrasul

Perkhidmatan Perbandaran

Pemasangan Kamera Litar Tertutup / Close Circuit Televisions (CCTV)

Pemasangan CCTV di kawasan Bandar WP Labuan termasuk di kawasan penyimpanan kontena PL di Pengkalan Kapur telah siap sepenuhnya pada Disember 2011. Ia merupakan salah satu aspek Bandar Selamat yang bertujuan untuk menjadikan WP Labuan sebagai sebuah Bandar Sejahtera.

Penaiktarafan Kemudahan Jalur Lebar tanpa wayar (WiFi)

Penyediaan kemudahan WiFi di Marina Awam, Perpustakaan Awam dan pejabat PL adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan meningkatkan penggunaan internet seluruh Negara dan mengurangkan jurang digital antara rakyat. Selain itu, ia dilaksanakan bertujuan untuk menaik taraf liputan WiFi di Perpustakaan Awam Labuan ke 4mbps dan lease line dinaiktaraf di Menara PL ke 1.5mbps dan di Wisma PL ke 3mbps.

Penyelenggaraan Kebersihan

Kerja-kerja penyelenggaraan kebersihan dilaksanakan merangkumi kerja-kerja memotong rumput, menyapu dan membersihkan kawasan, membersihkan longkang, melupus sampah kasar, memotong dan melupus batang kayu, memangkas dan mencantas pokok serta membersihkan tempat pengumpulan sampah. Kerja penyelenggaraan kebersihan ini dibahagi kepada tiga kategori iaitu:

- a. Penjagaan kawasan taman perumahan dan gudang;
- b. Penjagaan pantai; dan
- c. Penjagaan bangunan, jalan dan longkang awam.

Prestasi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan untuk 44 buah pakej kawasan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik telah digredkan seperti berikut.

Jadual 7: Penggredan Mengikut Pakej Kawasan

Bil	Gred	Bilangan Pakej Kawasan
1.	A	32
2.	B	4
3.	C	3
4.	D	5
Jumlah Keseluruhan		44

Jadual 8: Perincian penggredan bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini dinilai

Gred	Prestasi	Perincian
A	Cemerlang	Pemotongan tuntutan RM0 hingga RM500
B	Memuaskan	Pemotongan tuntutan RM 501 hingga RM1500
C	Sederhana	Pemotongan tuntutan RM 1501 hingga RM 3000
D	Tidak Memuaskan	Pemotongan tuntutan RM 3001 dan ke atas

Kesihatan Persekutaran

a) Kawalan Mutu Makanan

i. Penggredan Premis Makanan

Sebanyak 135 premis (Restoran dan Kedai Kopi) telah dinilai dari aspek kebersihan pengendalian makanan dan kebersihan premis. Secara keseluruhan, 90.1% premis telah mendapat gred A dan B.

Jadual 9: Keputusan Penggredan Premis Makanan

Gred	Bilangan Premis	Peratus (%)
A	38	28.2
B	85	62.9
Tiada Gred	12	8.9
Jumlah		135 Premis

ii. Kursus Asas Pengendalian Makanan

Kursus ini dikendalikan dengan kerjasama Sekolah Latihan Pengendalian Makanan swasta dari Kota Kinabalu Sabah. Seperti yang dirancang, Kursus Pengendalian Makanan ini telah diadakan sebanyak 5 kali seperti berikut:

Jadual 10: Kursus Asas Kebersihan Dan Keselamatan Makanan 2011

Bilangan	Tarikh Kursus	Sasaran Peserta	
		Jumlah	Catatan
01/2011	05 Mac 2011	74	Restoran /Kedai Kopi
02/2011	23 April 2011	84	/Gerai / Penjaja /
03/2011	29 Julai 2011	76	Kilang Makanan-
04/2011	30 Julai 2011	66	Minuman / Hotel /
05/2010	22 Okt 2011	49	Kantin Sekolah-
Jumlah Keseluruhan Peserta		349	Pejabat

iii. Seminar Kebersihan Hotel dan Rumah Tumpangan 2011

Seminar yang diadakan pada 8 Oktober 2011 ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pihak pengurusan hotel dan rumah tumpangan tentang kepentingan kebersihan premis, langkah-langkah pembersihan yang betul dalam memastikan kemudahan hotel atau rumah tumpangan yang disediakan kepada pelanggan sentiasa bebas daripada pencemaran punca penyakit berjangkit. Dua taklimat telah disampaikan pada seminar tersebut, iaitu Pematuhan Undang-Undang Kecil dan Rumah Tumpangan dan Ergonomik Dan Pengendalian Manual. Seramai 32 peserta pengendali / pengusaha Hotel dan Rumah Tumpangan telah menghadiri seminar tersebut.


iv. Pengeluaran Kad Kesihatan

Semua Pengendali Makanan, Kedai Dobi, Hotel, Rumah Tumpangan, Rumah Urut dan Kedai Gunting & Keriting Rambut dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan setiap tahun dan suntikan anti demam kepialu setiap tiga tahun. Bagi tujuan tersebut, mereka yang terlibat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Kad Kesihatan yang dikeluarkan oleh PL. Sebanyak 3373 permohonan telah diterima dan diproses menggunakan Sistem e-Kesihatan.

b) Kawalan Haiwan

Dalam melaksanakan aktiviti kawalan haiwan di WP Labuan, aktiviti tangkapan haiwan-haiwan liar tersebut merupakan satu aktiviti utama dalam mengawal populasi, jangkitan penyakit bawaan dari haiwan dan kacauganggu. Kerjasama dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar, WP Labuan diperolehi dalam mengawal haiwan terutama anjing, kucing dan burung. Selain dari itu, pengeluaran lesen bagi anjing peliharaan juga dilaksanakan bagi membezakannya dengan anjing tidak bertuan. Carta 6 merupakan perincian jumlah tangkapan haiwan bagi tahun 2011.

Carta 6: Jumlah Tangkapan Haiwan



Lesen Anjing Peliharaan (139 ekor)
Anjing Tidak Bertuan (235 ekor)
Burung (23 ekor)
Kucing Terbiar (102 ekor)
Tikus (269 ekor)

Selain itu, Mesyuarat PL yang diadakan pada 27 April telah bersetuju untuk melaksanakan kaedah baru untuk mengawal binatang tidak bertuan di Labuan. Kaedah menawarkan ganjaran kepada orang awam yang berjaya menangkap secara hidup binatang-binatang seperti anjing, burung dan tikus telah diperkenalkan dalam kempen ini yang bermula pada 23 Julai 2011. Sebanyak 1933 ekor binatang telah ditangkap dan dihantar ke Jabatan Veterinar WP Labuan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM19,280.00. Perincian kadar ganjaran dan jumlah binatang yang ditangkap melalui Kempen Kawalan Binatang Tidak Bertuan dan Haiwan Perosak adalah seperti di bawah.

Jadual 11: Kadar Ganjaran Kempen Kawalan Binatang Tidak Bertuan dan Haiwan Perosak

Bil	Jenis Binatang / Haiwan	Kadar Ganjaran Seekor (RM)
1	Anjing Liar (terbiar / tidak bertuan) <ul style="list-style-type: none"> i. Dewasa (Jantan/Betina) ii. Anak (Jantan/Betina) 	20.00 15.00
2	Burung (Jantan/Betina) <ul style="list-style-type: none"> * seperti gagak, merpati, pipit, selangkir tidak termasuk ayam / itik 	10.00
3	Tikus (Jantan/Betina) <ul style="list-style-type: none"> * semua jenis tikus 	10.00

Jadual 12: Jumlah Binatang Yang Ditangkap Dalam Kempen Kawalan Binatang Tidak Bertuan dan Haiwan Perosak

Bil	Jenis Binatang / Haiwan	Jumlah Tangkapan (ekor)
1	Anjing Liar (terbiar / tidak bertuan) Dewasa /Anak (Jantan/Betina)	22
2	Burung (Jantan/Betina) <ul style="list-style-type: none"> * seperti gagak, merpati, pipit, selangkir tidak termasuk ayam / itik 	1672
3	Tikus (Jantan/Betina) <ul style="list-style-type: none"> * semua jenis tikus 	239
Jumlah Keseluruhan		1933


Pengurusan Sisa Pepejal

a) Kerja-Kerja Kutipan Sisa Pepejal



Kerja-kerja kutipan sisa pepejal bagi seluruh kawasan di WP Labuan dilaksanakan dengan kekerapan jumlah kutipan di antara 2 hingga 7 kali seminggu yang dibahagikan kepada 12 zon. Sebanyak 17,193.81 tan sampah telah dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah di Bukit Kallam, manakala selebihnya 14,453.90 tan dilupuskan oleh pihak swasta. Secara purata, kutipan sampah sehari ialah 86.71 tan dan sebulan ialah 2,637.31 tan. Carta 7 menunjukkan jenis-jenis sisa kutipan pepejal.

Carta 7: Jenis Dan jumlah Kutipan Sisa Pepejal



* Besi - telah diasingkan bagi tujuan kitar semula.

b) Penambahbaikan Kaedah Kutipan Sampah

Tempat letak untuk tong sampah berlantai jenis konkrit telah disediakan di 8 buah kawasan iaitu Anjung Ketam Kampung Tanjung Aru, Anjung Selera Kampung Bukit Kallam, Sudut Cabaran Pancur Hitam, Kampung Nagalang, Kampung Pantai, Kampung Merinding, Kampung Layang-Layangan dan Kampung Bukit Kuda.

2 buah motosikal telah dibeli untuk menambah liputan pelaksanaan kerja-kerja kutipan sampah di bahu-bahu jalan seluruh Labuan menjadikan jumlahnya kepada 4 buah motosikal. Kutipan sampah ini dibuat dari hari Isnin hingga Ahad bermula jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang.

Pengurusan Tandas Awam

Pada 26hb November 2011, Kempen Tandas Bersih 1Malaysia telah diadakan di Taman Botanikal. Majlis ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi kerajaan, swasta, pemilik-pemilik premis makanan serta pegawai dari PL. Sebanyak sepuluh (10) buah premis makanan telah diberikan Anugerah Tandas Bersih sempena Hari Tandas Sedunia. Pencapaian objektif kualiti bagi skop pengurusan tandas awam ialah 63% iaitu 12 dari 19 buah tandas yang telah dipersijilkan dengan MS ISO 9001 : 2008 telah mendapat gred A.



Perincian adalah seperti di jadual di bawah

Jadual 13: Pemantauan Pengurusan Tandas Awam Tahun 2011

Gred	Lokasi Tandas Awam	Pemeriksaan
A	Taman Damai, Layang-Layangan Layang-Layangan, (Gerai) Layangan Panchur Hitam 1, Pohon Batu Panchur Hitam 2, Pohon Batu Pohon Batu Batu Manikar Kompleks Gerai Sg Pagar, Sg Pagar Barter Trade Pasar Besar Labuan Terminal Bas Taman Botanikal Taman Botanikal (House Boat) Medan Selera Tg Batu Gelanggang Futsal Tg. Purun	Setiap Minggu
B	Grand Stand dan Galeri, Dataran Labuan Dewan Serbaguna PL Pantai KSLA Labuan Pejabat MTPL, KSLA Labuan Anjung Selera, KSLA Labuan Plaza (VIP) KSLA Labuan	Dua Minggu Sekali
C	Gerai Jln Batu Arang Gerai Kg Bukit Kalam Gerai Kg Ganggarak Gerai Kg Lajau	Minggu Pertama/ Kedua
	Gerai Batu Manikar Arena Bowling Padang Gerai Anjung Ketam	Minggu Ketiga/ Keempat

Pembangunan Komuniti

Dalam melaksanakan fungsi PL untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam WP Labuan, beberapa program telah diusahakan seperti :

a) Program e-Kasih

Berdasarkan daftar e-Kasih yang dikeluarkan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri, seramai 1650 Ketua Isi Rumah (KIR) telah didaftarkan pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, seramai 141 KIR dikategorikan Miskin Tegar yang menunjukkan peningkatan sebanyak 63% daripada tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan perubahan jumlah nilai per kapita yang mendefinisikan Miskin Tegar adalah berpendapatan di bawah RM130 dan Miskin mempunyai pendapatan di bawah RM230, manakala pada tahun sebelumnya Miskin Tegar adalah di bawah RM110 dan Miskin adalah di bawah RM200. Bagi membasi kemiskinan, pelbagai bantuan diberikan oleh 17 Agensi Focus Group yang dikenali sebagai Majlis Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. Melalui peruntukan KWKB yang disalurkan melalui PL, terdapat 4 program dilaksanakan iaitu :-

i. Program Peningkatan Pendapatan

Sebanyak RM50,000.00 telah disalurkan bagi mentransformasikan 5 peserta yang terpilih dari pada e-Kasih dalam golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan. Bantuan peralatan yang diberikan merupakan peralatan mesin jahit lurus, mesin jahit tepi dan mesin sulaman. Selain itu, seramai 4 orang peserta menerima bantuan peralatan pertukangan dengan jumlah nilai bantuan sebanyak RM 20,000.00. Pemantauan peningkatan pendapatan akan dipantau setiap dua bulan sekali bagi memastikan pendapatan peserta meningkat dari bulan ke bulan.

ii. Program Amanah Saham Wawasan (ASW)

Seramai 43 orang telah menerima akaun Amanah Saham Wawasan dengan nilai sebanyak RM10,000.00 yang dikunci dalam akaun masing-masing. Peserta hanya dibenarkan untuk mengambil dividen daripada pelaburan ini.

iii. Program Pembasmian Kemiskinan

Seramai 10 orang penerima bantuan ini yang berupa bantuan bayaran sewa rumah sebanyak RM124 sebulan.

iv. Program Bina Rumah (PBR)




Sebanyak 13 buah rumah dengan peruntukan sebanyak RM40,000.00 setiap unit telah siap dibina sepenuhnya pada bulan September 2011.

b) Program Pembangunan Modal Insan

i. Program Pendidikan Lalu Lintas Shell 2011

Program ini adalah merupakan usahasama Shell Sabah selaku penganjur dengan kerjasama PL dan beberapa Jabatan Kerajaan di WP Labuan. Antaranya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Perpaduan, Jabatan Pelajaran, Jabatan Penyiaran Malaysia dan Jabatan Penerangan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang keselamatan jalan raya kepada pelajar-pelajar di WP Labuan dan orang ramai yang berkunjung semasa program berlangsung. Program ini telah diadakan pada 28 hingga 29 Julai 2011 bertempat di perkarangan letak kereta Dewan Serbaguna PL. Seramai 391 pelajar dari sekolah rendah dan menengah yang terlibat secara langsung dalam program tersebut.

ii. Program Kepimpinan Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kampung Peringkat WP Labuan



Satu program kepimpinan Ketua Kampung dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung telah diadakan bagi memberikan pendedahan kepada ketua kampung dalam menjalankan urus tadbir dengan lebih berkesan dan efektif. Program ini berlangsung selama 3 hari bermula pada 11 November hingga 13 November 2011 bertempat di Auditorium Mini Anjung Budaya Kg. Layang-Layangan dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL. Seramai 109 peserta yang telah hadir terdiri daripada Ketua Kampung dan Ahli Jawatankuasa Kampung yang terlibat. Program ini juga turut mengundang Agensi Kerajaan lain untuk memberikan taklimat berkenaan peranan jabatan masing-masing. Agensi yang terlibat ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Majlis Agama Islam WP Labuan, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Pelajaran.

iii. Lawatan Kerja Ketua Kampung ke Jogjakarta Indonesia

PL telah menganjurkan satu lawatan kerja Ketua Kampung dengan kerjasama KWPKB pada 23 hingga 27 November 2011 ke Jogjakarta Indonesia. Rombongan ini diketuai oleh YBhg Dato' Adnan bin Haji Md. Ikhsan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KWPKB. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ketua kampung berkenan urus tadbir yang dilaksanakan di sana terutamanya dalam aspek meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

c) Program Local Agenda 21

i. Program Gotong-Royong 1 Malaysia



Program Gotong-Royong 1 Malaysia telah diadakan pada 24 Julai dengan kerjasama dari-pada Jabatan-Jabatan Kerajaan, Swasta, Dewan-Dewan Perniagaan, ketua-ketua kam-pung di Labuan, pelajar-pelajar sekolah menengah, dan Persatuan-Persatuan di Labuan. Antara pengisian program ialah pelancaran gimik, aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan pusat bandar dan acara mengibarkan Jalur Gemilang di kedai-kedai yang terpi-lih. Objektif program ini ialah untuk memberi kesedaran dalam usaha menjadikan Labuan Bersih dan Indah.

ii. Seminar dan Bengkel Local Agenda 21 (LA 21) di WP Labuan

picture

Seminar dan Bengkel Local Agenda 21 (LA 21) telah diadakan pada 15 Oktober hingga 16 Oktober di Tingkat 8 Bilik Bunga Raya Kompleks Ujana Kewangan Labuan. Bilangan peserta dalam seminar dan bengkel tersebut ialah 150 orang. Objektifnya ialah untuk menyediakan deraf Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA 21) untuk Tahun 2012. Terdapat lima Jawatankuasa Kerja telah dibentuk iaitu Pembangunan Fizikal, Pembangunan Alam Sekitar, Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Kitar Semula. Dalam seminar tersebut, telah diputuskan akan wawasan Masyarakat Local Agenda 21 WP Labuan ialah Warga Labuan Komited untuk menjadikan Labuan Pulau Maju, Ceria dan Sejahtera Menjelang Tahun 2015 Berlandaskan Pembangunan Mampan.

d) *Perkhidmatan Perpustakaan*



i. **Program Sambutan Hari Buku Sedunia 2011**

Sambutan Hari Buku Sedunia telah di sambut pada bulan Mei setiap tahun. Perpustakaan Awam Labuan juga telah mengadakan beberapa program sempena sambutan tersebut. Semua program telah dijalankan pada 14 Mei 2011 – 21 Mei 2011 bertempat di Perpustakaan Awam Labuan. Antara program yang dijalankan ialah:

- Pertandingan Bercerita Cerita Rakyat.
- Pameran buku.
- Kuiz Pengetahuan Am.
- Pertandingan Tulisan Jawi.
- Pertandingan Mewarna kanak-kanak.
- Teka Muka Surat Buku.

ii. Kursus Asas Pengurusan Pusat Sumber Sekolah



Perpustakaan Awam Labuan bersama Sekolah Kebangsaan Rancha-Rancha telah mengadakan kursus ini pada 21 Mac 2011 bertempat di bilik mesyuarat sekolah tersebut melibatkan seramai 3 orang guru dan 20 orang murid mewakili seluruh sekolah di WP Labuan. Antara pengisian kursus ini adalah:

- Pengurusan berkesan Pusat Sumber Sekolah.
- Galakguna Pusat Sumber.
- Bengkel Pengkatalogan.
- Bengkel Pengkelasan Bahan.
- Bengkel Kemudahan Fizikal.
- Bengkel Baik Pulih Bahan Rosak.

iii. Program Perpustakaan Desa (PD)

Program Pintu ke Pintu

Program ini bermula pada April - November 2011 melibatkan 6 kawasan iaitu Kg.Durian Tun-jong, Kg. Sg. Labu, Kg. Lajau, Kg. Sungai Lada, Kg. Lubok Temiang dan Kg. Layangan. Petugas PD akan ke rumah pengguna dan memberi penerangan kepada isi rumah terbabit berkaitan fungsi perpustakaan desa, buku terbaru perpustakaan serta mengedarkan borang keahlian perpustakaan desa. Sebanyak 136 buah rumah telah dikunjungi dan melibatkan pertambahan ahli Perpustakaan Desa sebanyak 22% dari 500 orang pada 2010 kepada 610 orang pada 2011.

Aktiviti Perpustakaan Desa (PD)

Aktiviti-aktiviti di Perpustakaan Desa ini dijalankan sebagai memenuhi keperluan pengguna di perpustakaan terbabit adalah seperti berikut:

- Pertandingan Melukis dan Mewarna
- Pertandingan Cerita Kanak-Kanak
- Pertandingan Uji IQ Matematik
- Pertandingan Mencari Maklumat


iv. Kempen Bulan Membaca Kebangsaan

Kempen ini adalah selaras dengan Kempen Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan yang bertemakan BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA. Perpustakaan Awam Labuan (PAL) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan WP Labuan, telah mengadakan Pertandingan Mencari Maklumat sempena Kem READ 2011 1Malaysia yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun pada 2 November 2011. Program ini dijalankan serentak di seluruh negara sepanjang bulan November 2011 sebagai salah satu aktiviti galakan membaca.

v. Jumlah Pengunjung Ke Perpustakaan 2011

Jadual di bawah merupakan statistik bagi jumlah pengunjung ke Perpustakaan Awam PL bagi tahun 2011 mengikut 2 kategori iaitu dewasa dan kanak-kanak.

Carta 8: Jumlah Pengunjung Perpustakaan 2011




Perancangan Dan Pembangunan Komersial

Mesyuarat Urus setia Pusat Setempat (Osc)



Permohonan untuk Kebenaran Merancang, Pelan Pecah Sempadan / Bahagian / Cantuman Tanah / Tukar Syarat Tanah, Pelan Bangunan, Pelan Rumah Sesebuah dan Pelan Ubahsuai Bangunan yang diterima oleh Pusat Setempat (OSC) akan diproses dalam tempoh selewat-lewatnya 108 hari bagi Kebe-naran Merancang dan 90 hari bagi Pelan Bangunan seperti yang ditetapkan dalam piagam pelanggan. Setiap permohonan yang diterima hendaklah diangkat ke Mesyuarat OSC untuk dibentangkan kepada ahli jawatankuasa dan diberi perakuan samada Lulus, Lulus Bersyarat atau Tolak.

Carta 9: Mesyuarat OSC




Mesyuarat OSC diadakan di Bilik Persidangan, PL dengan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL dan dihadiri oleh ahli jawatankuasa OSC iaitu daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat dengan proses permohonan.

Unit Pusat Setempat (OSC)

Unit Pusat Setempat atau One Stop Centre dan lebih dikenali sebagai OSC adalah unit khas yang menerima dan memproses permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Pecah Sempadan / Bahagian / Cantuman Tanah / Tukar Syarat Tanah, Pelan Bangunan, Pelan Rumah Sesebuah dan Pelan Ubahsuai Bangunan sehingga ke peringkat pembentangan dan perakuan lulus, lulus bersyarat atau tolak di dalam Mesyuarat OSC. Pada tahun ini, proses permohonan telah menetapi Piagam Pelanggan iaitu 108 hari bagi Kebenaran Merancang dan 90 hari bagi permohonan Pelan Bangunan. Di bawah adalah carta 10 dan jadual 14 bilangan dan jenis-jenis permohonan yang diproses serta dibincangkan bagi tahun 2011:

Carta 10: Bilangan Dan Jenis-jenis Permohonan




Jadual 14: Bilangan Dan Jenis-jenis Permohonan

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah	Lulus	Tolak	Tempoh Proses / Hari					
					<30	<40	<50	<60	<70	<90
1	Kebenaran Merancang (Pelan Susunatur & Pelan Landskap)	32	31	1	27	-	3	2	-	-
2	Pelan Pecah Sempadan / Bahagian / Cantuman Tanah dan Tukar Syarat Tanah	26	28	-	14	10	1	1	-	-
3	Pelan Bangunan	31	30	1	20	6	1	4	-	-
4	Pelan Ubahsuai	24	23	1	16	6	1	1	-	-
5	Pelan Rumah Sesebuah	9	8	1	6	1	-	2	-	-
	JUMLAH	122	118	4						



Berikut adalah jenis-jenis permohonan kawalan bangunan yang didaftar dan diproses bagi tahun 2011:


Carta 11: Jenis-jenis Permohonan Kawalan Bangunan Yang Didaftar Dan Diproses



Ulasan Kawalan Perancangan

Berikut adalah jenis-jenis ulasan perancangan kepada Jabatan Teknikal, Individu dan Swasta yang telah diproses bagi tahun 2011:

Carta 12: Permohonan Ulasan Perancangan



Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan

a) Rancangan Struktur

Rancangan Struktur merupakan suatu pernyataan bertulis yang mengandungi dan menerangkan tentang perkara Dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah termasuk langkah-langkah bagi mempertingkatkan persekitaran hidup daripada segi fizikal.

perhubungan, lalu-lintas, kesejahteraan, sosio-ekonomi, galakan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan mampan. Pertalian cadangan-cadangan itu dengan cadangan-cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan-kawasan berhampiran yang dijangka menyentuh kawasan tersebut serta perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) atau Jawatankuasa Perancang Eksekutif (JPE) bagi kes-kes tertentu juga diterangkan dalam Rancangan Struktur.

b) Rancangan Tempatan

Satu dokumen perancangan dan penggunaan tanah WP Labuan yang merupakan suatu peta dan pernyataan bertulis yang mengandungi penterjemahan dasar dan cadangan awal Rancangan Struktur Labuan. Ia juga disertakan dengan Peta Cadangan Guntanah yang mengandungi cadangan penggunaan tanah terperinci mengikut lot yang disokong dengan Jadual Kelas Kegunaan Tanah, pelan-pelan, gambarajah dan Garis Panduan serta Piawaian Perancangan Khusus. Ini merupakan panduan utama dan rujukan kepada semua pihak berkepentingan termasuklah agensi kerajaan dalam merangka dan merancang pembangunan Labuan beserta projek-projek kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti.

c) Matlamat


Menjadikan WP Labuan sebagai pusat perkhidmatan dan perdagangan yang terancang berdasarkan perancangan pembangunan gunatanah yang seimbang. Pembentukan matlamat pembangunan ini mampu menyumbang ke arah mencapai pembangunan Labuan sebagai hab perkhidmatan minyak dan gas, tarikan pelaburan dalam sektor perniagaan, kewangan, perindustrian dan pelancongan.

d) Akta Undang-Undang

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah dipanjangkan ke Wilayah Persekutuan Labuan dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2011. Perbadanan Labuan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) perlu menyediakan Rancangan Tempatan bagi memenuhi peruntukan Seksyen 12, Akta 172.

e) Kawasan Kajian

Rajah 1: Kawasan Kajian



Pelan Strategik Perbadanan Labuan Tahun 2010-2014

Pelan Strategik menyediakan rangka dasar, hala tuju dan tanggungjawab Perbadanan Labuan bagi melaksanakan transformasi penyampaian Perkhidmatan Awam bagi tempoh 2010 hingga 2014. Pelan Strategik ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan stakeholders serta pelanggan.

a) Objektif

- i. Menjadikan PL sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa
- ii. Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di WP Labuan
- iii. Membangun industri pelancongan dan aktiviti komersial di WP Labuan
- iv. Menjadikan WP Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia
- v. Menjadikan PL sebagai agensi perancang dan Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari


b)

Sasaran

Selaras dengan Pelan Strategik PL 2010-2014, PL telah mensasarkan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi dipermudahkan. Dengan itu, Perbadanan Labuan menetapkan Piagam Pelanggan bagi tempoh mengulas permohonan lesen adalah tidak melebihi 14 hari. Bagi tahun 2011, sebanyak 588 atau 85% permohonan lesen telah diulas dari segi kesesuaian lokasi premis dan perakuan kelulusan pembangunan.

PL juga telah mencadangkan untuk mewujudkan persekitaran yang sejahtera dengan memulihara dan melindungi alam sekitar. Oleh itu, Perbadanan Labuan telah memastikan sekurang-kurangnya 10% kawasan hijau bagi kawasan pembangunan baru dan melaksanakan dasar minimum 10% kawasan lapang dalam pelan pembangunan. Bagi tahun 2011, 3 kawasan perumahan baru telah mematuhi Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar.

Rajah 2: Tanah Lapang Dan Rekreasi



Penguatkuasaan Pembangunan Tanpa Kelulusan

Notis Kesalahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan & Kawalan Bangunan adalah khusus kepada kesalahan pembangunan yang telah dimulakan atau didirikan di dalam kawasan bidang kuasa PL tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada PL selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan, 1951 dan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu seperti di dalam Seksyen 26,27,28 dan 29. Bagi tahun 2011, terdapat 6 kesalahan telah dikenalpasti dan diberi notis kesalahan. Pemilik berkenaan dikehendaki untuk menghentikan operasi serta-merta dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang atau Pelan Bangunan untuk kelulusan PL.

Pembangunan Halal Hub

a) Sistem Penjejakan dan Pengesanan Halal

Pembangunan Sistem Penjejakan dan Pengesanan Halal (Halal Track and Tracerability System) telah siap sepenuhnya pada bulan 17 Ogos 2011. Dua buah syarikat pengguna yang dipilih adalah GP Ocean Sdn. Bhd. dan Lay Hong Berhad. Pada 5 hingga 11 Julai 2011, RTM 1 telah membuat rakaman untuk rancangan Agrojurnal mengenai pemerosesan ikan siakap dengan menggunakan sistem ini sepenuhnya. Rancangan ini telah bersiaran pada 6 November 2011 jam 6.00 petang di TV1.

b) Pembangunan Infrastruktur Halal Hab di Kiansam, WP Labuan (Fasa I & Fasa II)

Projek Nasional pembinaan Kompleks Halal Hab terletak di Jalan Kiansam iaitu sejauh 12 km dari pada pusat Bandar WP Labuan. Projek ini dicadangkan bagi membangunkan industri yang berkaitan makanan halal marin dengan kelebihan jejak dan kekesanan produk. Pembinaan Kompleks Halal Hab ini terbahagi kepada Fasa pertama dan Fasa kedua. Fasa pertama telah pun siap sepenuhnya, tetapi penyewaan bangunan dalam proses pengisian. Fasa kedua telah mula dilaksanakan pada 7 Jun 2010 dan dijangka siap sepenuhnya pada 4 Jun 2012 iaitu telah siap dalam 72 %. Pembangunan Fasa kedua pula melibatkan pembinaan bangunan kompleks pejabat dan gudang.



- a) Ekspo Minyak dan Gas 2011 di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan, WP Labuan



Penganjuran kali pertama Ekspo Minyak dan Gas ini merupakan usahasama syarikat Fireworks Event (M) Sdn. Bhd. selaku penganjur dengan kerjasama PL bersama Asian Supply Base Sdn. Bhd. Ekspo ini bertujuan untuk mempromosikan Labuan sebagai Hub Minyak dan Gas selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan memajukan Labuan. Ekspo ini telah berlangsung dari 2 hingga 4 November 2011 bertempat di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan, WP Labuan. Beberapa agensi juga telah turut serta dalam pameran berkenaan. Sebanyak 100% penyertaan untuk 150 booth dan penyertaan 90 syarikat yang terdiri daripada syarikat minyak dan gas Amerika Syarikat, Eropah, Korea, Singapura, Kuwait, Malaysia, Taiwan, Jepun dan sebagainya. Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin selaku Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sepanjang tempoh ekspo tersebut berlangsung, seramai kira-kira 5360 pengunjung dari dalam dan luar negara telah mengunjungi ekspo ini. Ekspo ini berjaya merekodkan transaksi bernilai RM 80 juta.

b) *Penyediaan Tapak Pembangunan Untuk Tujuan Industri Minyak dan Gas*

PL telah membuat permohonan tanah di Kampung Rancha-Rancha, WP Labuan untuk tujuan pembangunan industri gas dan minyak dengan keluasan 80.938 hektar (200 ekar). Bagi memenuhi syarat permohonan tanah yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah. Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (JKKTWPL) Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Bil.3/2011 yang telah bersidang pada 30 September 2011, PL akan melaksanakan kajian EIA.

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

a) Bangunan Pusat Komuniti Kg. Sungai Bedaun dan Kg. Sungai Lada, WP Labuan



Bangunan tersebut bertujuan untuk rekreasi sukan, mesyuarat, latihan, seminar, perpustakaan desa, pembangunan modal insan dan sebagainya. Cadangan pengurusan bangunan tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) masing-masing bagi mengurus tadbir dua pusat komuniti tersebut. Laporan pembentangan terma dan rujukan pusat komuniti tersebut telah diadakan bersama Ketua Kampung pada 12 Julai 2011 bertempat Wisma Perbadanan Labuan.

b) Penyediaan Tapak Tanah industri di Kg. Rancha-Rancha, WP Labuan

Tapak Industri ini disediakan di atas tanah milik Perbadanan Labuan di Lot CL 205389582 dengan keluasan 12.09 ekar dan CL 205389564 dengan keluasan 26.6 ekar yang terletak di kawasan Rancha-Rancha, WP Labuan. Ini adalah bertujuan untuk menempatkan pengusaha-pengusaha di sektor industri yang berkaitan dalam minyak dan gas yang mana sebelum ini beroperasi di luar zon gunatanah industri.

Tapak ini menyediakan sebanyak 16 lot tanah untuk dipajakan kepada syarikat yang berminat. Sebanyak 15 lot telah dipajakan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan industri minyak dan gas di WP Labuan.

c) Pajakan Tanah PL Lot PL 206291885 di Jalan Batu Arang, Kg. Durian Tunjung WP Labuan oleh Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), WP Labuan



Perbadanan Labuan telah memajakan tanah seluas 10 ekar di lot PL 206291885 di Jalan Batu Arang, Durian Tunjung kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), WP Labuan pada ogos. Tanah ini dipajak oleh PPN untuk tujuan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran bekalan sayur-sayuran di Labuan yang kini sebahagian besar masih dibawa masuk dari tanah besar Sabah.

- d) Penyediaan Tapak Penyimpanan Kenderaan dan Kontena di Jalan Patau-Patau,
WP Labuan



Diatas cadangan daripada Jawatankuasa Pelaburan agar diwujudkan tapak kontena dan kenderaan berat bagi menyelesaikan permasalahan perletakan kontena di kawasan gudang dan kenderaan berat yang diletak di pinggir jalan. Projek telah dimulakan pada awal tahun ini dengan belanja RM 1.2 juta. Antara komponen dalam projek ini adalah pondok kawalan, pejabat kecil, bilik air, pagar, tempat meletak kontena dan tempat penyimpanan terbuka. Pemasangan CCTV juga telah dibuat bagi menjamin keselamatan kontena-kontena yang distorkan. Projek telah diserahkan kepada Jabatan Pelaburan pada bulan September 2011. Jabatan akan menyerahkan kepada anak syarikat LDA Labuan Holdings Sdn. Bhd. untuk tujuan pengurusan. Dijangkakan terminal ini beroperasi pada 1 April 2012.

Acara Dan Promosi Pelancongan

Salah satu hala tuju pembangunan Labuan adalah untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Bagi mencapai matlamat tersebut, PL sentiasa berusaha untuk membangunkan dan memajukan sektor pelancongan selaras dengan fungsi-fungsi yang diperuntukkan dalam Akta Perbadanan Labuan (Akta 609). Acara-acara pelancongan yang dianjurkan di WP Labuan merupakan antara produk yang berupaya menarik kemasukan pelancong dan pengunjung ke Labuan. Sepanjang tahun 2011, acara-acara yang telah dikelolakan oleh PL adalah seperti berikut:-

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan



Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, pelbagai aktiviti telah dianjurkan sepanjang bulan Februari 2011 seperti Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, Pertandingan Tarik Tali Intergrasi, Pertandingan Boling Padang Intergrasi, futsal, sepak takraw terbuka, dan sebagainya. Acara kemuncak merupakan Sambutan Majlis Penutup Hari Wilayah Persekutuan yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 26 Februari 2011 jam 8.00 malam di Dataran Labuan. Jumlah pengunjung yang menghadiri majlis tersebut dianggarkan lebih 20,000 orang. Selain penganjuran acara, PL juga menyediakan Goodies Rakyat berupa tawaran kemudahan secara percuma selama dua minggu kepada warga Labuan bagi kemudahan seperti berikut:-

- i. Dewan Serbaguna PL (kemudahan dewan dan gelanggang badminton)
- ii. Gelanggang futsal
- iii. Gelanggang Arena Boling Padang
- iv. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
- v. Gelanggang tenis
- vi. Pendaftaran percuma Kad Ahli Perpustakaan Awam Labuan bagi tempoh sebulan.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia



Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia di peringkat WP Labuan telah diadakan pada 16 September 2011. Antara pengisian acara sambutan ialah Pertandingan Perarakan Perbarisan dan Pertandingan Kibar Bendera Jalur Gemilang. Selain itu, turut dianjurkan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat di seluruh masjid di WP Labuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam WP Labuan.

Derau Bahasa



Pada 29 Oktober 2011, PL dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah telah menganjurkan program Derau Bahasa bertempat di Kompleks Ujana Kewangan WP Labuan. Objektif program ini adalah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama Negara. Beberapa aktiviti pengisian telah diadakan yang mendapatkan penyertaan daripada penduduk setempat, seperti Mukun (berbalas pantun dalam bentuk nyanyian), deklamasi puisi, pertandingan karaoke, koir, dan sebagainya.

Perarakan Berjubah

Acara Perarakan Berjubah merupakan acara tahunan yang dijalankan dengan kerjasama PL dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Acara ini telah diadakan pada 20 November 2011 bertempat di Kompleks Ujana Kewangan. Perarakan warga UMS diketuai oleh Naib Canselor UMS bermula dari Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan menuju ke Kompleks Ujana Kewangan yang disambut oleh warga Labuan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL. Acara ini adalah signifikan dengan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang merupakan simbolik penerimaan graduan yang telah tamat pengajian ke kelompok masyarakat. Pemilihan PL dalam acara ini kerana secara simboliknya naib canselor sesebuah IPT akan menyerahkan graduan yang dilahirkan kepada mayor di kawasan IPT itu.

Aussie Cruise Ship



Program ini merupakan kunjungan rombongan dari pelancong Australia ke Labuan menggunakan kapal persiaran. Seramai lebih 50 orang pelancong yang terdiri daripada warga emas termasuk veteran Perang Dunia Ke-2 di Borneo. Rombongan telah dibawa melawat Memorial Perang Dunia II (War Memorial WW II) di Jalan Tanjung Batu dan Surrender Point (tempat tentera Jepun menyerah kalah) di Taman Damai, Layang-Layangan serta turut menyaksikan persembahan kebudayaan dan menikmati makanan tradisi penduduk Labuan.

Hari Peringatan Tamat Perang Dunia (Remembrance Day)



Acara ini telah diadakan pada 8 November 2011 di Taman Peringatan Perang Dunia II (*World War II Memorial*) di Jalan Tanjung Batu. Acara tahunan pelancongan ini dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, wakil-wakil Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia bagi Negara Britain, New Zealand, Pakistan, India dan Brunei. Turut hadir ke majlis ini ialah veteran perang dan ahli keluarga perajurit dari Australia dan New Zealand. Acara ini bertujuan untuk memperingati perjuangan perajurit daripada Tentera Bersekutu yang terkorban semasa Perang Dunia II dan menyedarkan masyarakat sejagat bahawa "peperangan bukan jalan penyelesaian".

Program Bulan Ramadhan (Majlis Berbuka Puasa dan Program Jom Sahur)



Program Jom Sahur



Majlis Berbuka Puasa

Pada 12 Ogos 2011, PL telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Masjid Jamek Layang-Layangan dan dihadiri oleh YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Pada majlis ini, YB Menteri telah menyampaikan sumbangan persiapan aidilfitri kepada golongan miskin. Manakala pada 13 Ogos 2011, Program Jom Sahur juga telah dihadiri oleh YB Menteri di Masjid Al-Muttakin, Kg. Kerupang dan beliau telah menyampaikan sumbangan kepada golongan berpendapatan rendah dan pelajar-pelajar Madrasah Tahfiz Kg. Layang-Layangan. Selain itu, sempena Program Bulan Ramadhan juga, terdapat dua aktiviti yang telah disertai oleh YB Menteri iaitu acara membeli-belah persiapan pakaian Aidilfitri bersama anak-anak yatim, anak-anak daripada keluarga kurang mampu, dan anak-anak kelainanupaya (OKU). Manakala satu aktiviti lagi yang telah dilaksanakan adalah menghias dan menyampaikan bantuan Aidilfitri kepada tiga (3) buah rumah warga emas.

Promosi Pelancongan

Mekanisme promosi pelancongan menggunakan pendekatan media elektronik dan media cetak. Penerbitan risalah Kalendar Acara Pelancongan Tahunan 2011 (Calendar of Events 2011) telah membantu pengunjung dan pelancong merancang waktunya percutian yang sesuai di Labuan. Selain penerbitan risalah Labuan Fly Drive, maklumat berkaitan pelancongan Labuan boleh diperolehi di portal PL. Pemasangan billboard di negeri Johor, Perlis, Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu merupakan pendekatan untuk mempromosi pelancongan Labuan kepada Negara-negara berdekatan seperti Singapura dan Thailand. Beberapa sesi lawatanwakil media daripada syarikat penerbitan akhbar, majalah dan televisyen telah diadakan yang diselaraskan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. PL juga menyertai expo pelancongan yang diadakan di dalam dan luar Negara seperti MATTA Fair di Kuala Lumpur dan Abacus Fair di Brunei.

Statistik Ketibaan Pelancong dan Pelawat

Berdasarkan data ketibaan pelawat dan pelancong yang diterima daripada Jabatan Imigresen, Jabatan Laut, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), Airasia dan MASwing, jumlah ketibaan pada tahun 2011 ialah seramai 832,001 orang. Jumlah ini menunjukkan peningkatan 15% berbanding tahun 2010. Sepuluh (10) Negara yang memberikan kesan kenaikan ini ialah Brunei, Filipina, Indonesia, Nepal, India, United Kingdom, Singapura, Thailand, Australia, dan Amerika Syarikat.

Projek PL

Pada RMKe10, PL telah diberikan peruntukan bagi melaksanakan dua projek sambungan iaitu Projek Pembinaan Pasar Baru dan Projek Pembinaan Stesen Teksi dan Bas.

a) Projek-Projek Pembangunan Siap



Sebanyak 10 projek pembangunan utama telah siap dilaksanakan pada tahun ini iaitu :-

i.) Pembangunan Labuan Walk

Kawasan tapak projek yang terletak di Jalan Dewan dengan mengambil konsep asal Bintang Walk di Kuala Lumpur telah disiapkan pada bulan September 2011. Projek ini menyediakan laluan interlocking dan premix sepanjang 150 meter yang sesuai untuk kegunaan pelbagai aktiviti seperti tapak penjaja, tapak pameran dan acara. Selain itu, pembinaan bangunan restoran 2 tingkat dan elemen air (water fountain) dengan kos berjumlah RM4 juta turut dimasukkan sebagai komponen projek ini.

ii. Eko Pelancongan Kina Benuwa, WP Labuan

Pembinaan bangunan restoran dan jalan masuk projek ini melibatkan kos sebanyak RM3 juta telah disiapkan pada bulan Mei 2011. Selain ruang restoran, bangunan ini juga menyediakan ruang pejabat, lobi, dapur, stor dan bilik penyenggaraan. Restoran yang dibina di atas kawasan paya bakau ini menyediakan persekitaran alam semulajadi yang berpotensi sebagai tarikan pelancongan.

iii. Pengubahsuaian Tingkat 4 Hingga Tingkat 11 Menara PL Kepada Ruang Pejabat

Kerja-kerja mengubahsuaai bangunan sediada di tingkat 4 hingga tingkat 11 Menara PL kepada ruang pejabat telah siap sepenuhnya pada bulan Mac 2011 dengan kos sebanyak RM9.1 juta. Kerja-kerja pengubahsuaian Menara PL melibatkan kedudukan tandas, pantri, bilik perbincangan, bilik fail, bilik mencetak dan ruang kaunter bagi setiap aras termasuklah surau lelaki dan wanita di aras 5. Bangunan Menara PL juga menempatkan 5 jabatan, pejabat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (WPKB), pejabat Timbalan Menteri (WPKB), pejabat Pengerusi dan pejabat Ketua Pegawai Eksekutif. Selain itu terdapat juga satu bilik persidangan dan bilik serbaguna.

iv. Pembinaan Stor Sepusat di Jalan Hj. Ismail

PL telah menyiapkan sebuah bangunan stor sepusat bagi tujuan penyimpanan fail-fail dan dokumen serta barang-barang milik PL. Projek ini telah disiapkan pada bulan Jun 2011 dengan kos pembinaan berjumlah RM3.7 juta. Bangunan yang berkeluasan lantai 1311 meter persegi dengan rekaan dalaman berkonsepkan double volume yang memudahkan sistem penyimpanan dilaksanakan. Komponen sokongan lain yang turut disediakan ialah ruang pejabat, bilik pemandu, laluan dalaman dan 2 unit tandas.

v. Dewan Komuniti Di Kg. Sungai Bedaun

Sebuah dewan komuniti telah disiapkan pada bulan Jun 2011 bertempat di Kg. Sg. Bedaun dengan kos pembinaan berjumlah RM2 juta. Dewan komuniti ini boleh memuatkan sebuah gelanggang futsal, dan mempunyai kemudahan bilik mesyuarat, ruang pejabat, pentas terbuka, lantai perhimpunan dan tandas awam. Kawasan letak kereta sebanyak 35 lot turut disediakan di kawasan tersebut.

vi. Dewan Komuniti Di Kg. Sungai Lada

Dewan Komuniti Kg. Sg. Lada telah disiapkan pada bulan Mei 2011, dengan kos berjumlah RM2 juta. Dewan ini menyediakan kemudahan pejabat, pentas terbuka, gelanggang futsal dan tandas. Sebanyak 35 lot kawasan letak kereta juga disediakan bagi pengunjung sebagai kemudahan sokongan infrastruktur.

vii. Pusat Aktiviti Homestay Kg. Patau-Patau Dua

Bangunan ini telah disiapkan pada bulan Mei 2011 dengan kos berjumlah RM0.7 juta dengan menyediakan kemudahan dewan terbuka, pejabat, bilik stor dan tandas. Pembinaan pusat aktiviti ini merupakan sokongan kepada aktiviti homestay di kampung tersebut.

viii. Perumahan Kakitangan Awam Di Kg. Bukit Kuda (Fasa 3)

Projek ini telah diserahkan kepada PL pada bulan Disember 2011 dengan kos berjumlah RM10 juta. Projek ini merupakan kemudahan sokongan kepada perumahan kakitangan awam di Kg. Bukit Kuda iaitu pembinaan sebuah masjid yang boleh menampung 400 orang jemaah dilengkapi dengan kemudahan bilik wudhu lelaki dan wanita, balkoni balai lintang, dapur, bilik penyempurnaan jenazah, stor, bilik utiliti, tandas dan 66 lot tempat letak kereta dan motosikal.

Dewan arena terbuka juga merupakan komponen projek ini yang boleh menempatkan gelanggang bola tampar, bola jaring dan sepak takraw. Selain itu dewan ini juga boleh berfungsi sebagai lokasi acara atau majlis keramaian yang dilengkapi dengan bilik persalinan dan tandas. Dewan arena ini juga menyediakan 3 unit kiosk dan 130 lot kawasan letak kereta dan motosikal.

ix. Surau Di Kiansam

Projek ini telah disiapkan pada bulan Januari 2011 dengan kos berjumlah RM200,000.00. Surau ini boleh memuatkan jemaah seramai 200 orang dan penyediaan kemudahannya agak minima kerana ia merupakan kemudahan sosial yang bersifat sementara di kawasan tersebut.

x. Kemudahan Pelancongan Di Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua

PL telah menyediakan kemudahan infrastruktur sokongan seperti tandas dan tempat letak kereta di Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua bagi tujuan tarikan pelancongan terutamanya bagi acara Remembrance Day yang diadakan setiap tahun di situ. Kemudahan ini telah disiapkan pada bulan Mei 2011 dengan kos sebanyak RM0.5 juta.

xi. Pengubahsuaian Tingkat 4 Hingga Tingkat 11 Menara PL Kepada Ruang Pejabat

PL telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Taman Rekreasi di Panchur Hitam dengan membina konsep homestay garden. Projek ini telah disiapkan pada 17 Julai 2011 dengan kos sebanyak RM 290,000.00.

b) Projek-Projek Pembangunan Dalam Pelaksanaan

Sejumlah 13 projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 15, iaitu :

Jadual 15 : Projek Dalam Pelaksanaan

Bil	Projek	Kos (RM/juta)	Komponen Utama
1	Industri Pengedaran Hab Halal	28.0	Pembangunan Fizikal (Fasa 2) melibatkan pembinaan bangunan, gudang, landskap dan tempat letak kereta.
2	Pembinaan Pasar Baru Labuan	30.0	Bangunan pasar bertingkat dan tempat letak kereta
3	Pembinaan Apartment 8 Tingkat Di Penempatan Setinggan Di Atas Lot 113, Kg. Sg. Bangat	12.3	Bangunan kediaman 8 tingkat

1	Kawalan Hakisan Pantai Di Sekitar WP Labuan	9.5	Projek diteruskan pada fasa 2 dengan komponen projek yang sama iaitu mengorek dan menimbus pasir dan pembinaan groyne
2	Pembinaan Stesyen Teksi Dan Bas Baru Labuan	4.6	Stesyen teksi & bas, tempat menunggu, kiosk dan pejabat
3	Masjid Kampung Durian Tunjung	4.1	Ruang solat (1000 jemaah), pejabat, tempat wudhu', tempat letak kereta dan tandas
4	Cadangan Pembinaan Taman Rekreasi Offshore (Padang Golf)	36.4	Padang Golf (18 lubang), rumah kelab, driving range, tempat letak kereta dan landskap.
5	Pembinaan Breakwater Di Marina Awam	17.0	Membina permanent breakwater. Memasang pontoon tambahan. Membina tangki air.
6	Membina Tangki Air Di Perumahan Kakitangan Awam, Bukit Kuda	1.7	Penyediaan infrastruktur jalan raya,
7	Kerja Infrastruktur Untuk Penyediaan Tapak IKS Di Rancha-rancha	5.9	parit konkrit, STP, lampu jalan dan pemasangan paip.
8	Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat	4.2	Loji berkapasiti 1,950 P. E dan infrastruktur sokongan seperti pencarawang SESB, jalan gravel, lampu, paip dan longkang.
9	Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Di Kg. Bukit Kallam	11.6	Projek menaik taraf tapak pelupusan sampah seluas 56 ekar dengan pembinaan Leachate Treatment Plant (LTP). Kemudahan sokongan seperti jalan, tangki, kerja M & E dan pembinaan sel.
10	Pusat Aktiviti Homestay Di Kg Bukit Kuda	0.7	Bangunan 2 tingkat mengandungi 8 bilik tidur, tandas, bilik mesyuarat, pejabat dan stor. Tembok penahan dan kerja M & E.

Projek Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)

a) Projek Kecil

KWPKB telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM0.5 juta bagi melaksanakan 17 buah projek kecil. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan jalan simen baru, penyelenggaraan jalan simen, membesarkan bahu jalan simen dan penyelenggaraan jambatan.

b) Projek Menaik taraf Taman Rekreasi di Kg. Panchur Hitam, WP Labuan

Melalui geran khas KWPKB, peruntukan berjumlah RM 300,000.00 telah disalurkan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Taman Rekreasi di Kg. Panchur Hitam iaitu dengan penambahan unit permainan kanak-kanak dan 14 unit peralatan senaman.

Projek Kecil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

Melalui peruntukan KKLW, sebanyak RM 520,000.00 telah disalurkan bagi melaksanakan kerja-kerja membina 13 buah rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) di WP Labuan dengan anggaran kos setiap satu unit rumah adalah berjumlah RM 40,000.00.

Projek Jabatan Landskap Negara

Pemuliharaan Kawasan Paya Bakau Kina Benuwa telah siap dilaksanakan pada 22 Jun 2011 dengan kos sebanyak RM 300,000.00 menggunakan peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara. Antara kerja yang telah dilaksanakan ialah pembinaan laluan pejalan kaki (walk way), pembinaan papan tanda informasi, pembinaan pelantar kayu (boardwalk) dan pembinaan pelantar rehat.

Projek Kecil ICU

PL telah menerima peruntukan berjumlah RM1.05 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil Unit Penyelaras dan Pelaksanaan ICU iaitu Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Sebanyak 35 projek telah dilaksanakan melalui peruntukan ini bagi kerja-kerja pembinaan jalan simen baru dan penyelenggaraan jalan simen, membesarkan bahu jalan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti jambatan dan balai raya di seluruh kampung-kampung di WP Labuan.

Projek Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia/ Malaysian Road Records Information System (MARRIS)

MARRIS ialah singkatan dari Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (*Malaysian Road Records Information System*) satu aplikasi yang digunakan untuk merekod maklumat jalan di seluruh Malaysia tidak terkecuali WP Labuan. Butiran maklumat yang direkodkan di dalam sistem tersebut ialah panjang, lebar dan bahu jalan bagi jalan raya negeri, butiran jalan raya perbandaran, butiran jalan raya di dalam kawasan perumahan murah dan juga butiran lorong belakang. Maklumat ini bertujuan untuk mengira geran penyelenggaraan jalan di setiap negeri yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

PL sebagai agensi yang menjalankan fungsi pihak Berkuasa Tempatan merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memasukkan dan mengemaskini data jalan raya melalui Sistem MARRIS *Online* yang dilaksanakan oleh pegawai di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan.

Kerja-kerja penyelenggaraan bagi tahun 2011 telah dilaksanakan mengikut pecahan perbelanjaan seperti berikut :

- | | | | |
|------|------------|---|----------------|
| i. | Mekanikal | : | RM1,627,144.08 |
| ii. | Elektrikal | : | RM692,030.02 |
| iii. | Jalan Raya | : | RM700,000.00 |
| iv. | Bangunan | : | RM428,439.73 |

Jadual 16: Pecahan Perbelanjaan Penyelanggaraan



Penilaian Outcome Bagi Projek Pembangunan Di Bawah RMKe-9

Marina Awam Labuan (Gambar)



a) Latar Belakang Projek

Laporan Penilaian Outcome Pembinaan Marina Awam di WP Labuan telah dibentangkan pada 14 November 2011 di Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Labuan sebagai sebuah pulau pelancongan perlu menyediakan pelbagai kemudahan bagi memenuhi keperluan pelancong dalam dan luar Negara. Salah satu tarikan pelancongan adalah penyediaan kemudahan marina awam dan PL telah melaksanakan projek pembinaan marina awam bermula pada tahun 2006 dan telah mula beroperasi pada bulan April 2010.


Jadual 16: Deskripsi Projek Pembinaan Marina Awam

Agensi	Perbadanan Labuan
Nama Projek	Pembinaan Marina Awam di WP Labuan
Skop Projek	Fasa Penyelidikan: Kajian dan penyelidikan Fasa 1: Pembinaan Marina dan infrastruktur berkaitan seperti breakwater, berthing, pontoon, rumah kelab dan pembangunan landskap
Siling Projek	RM36,000,000.00
Kos Projek	Fasa 1: RM25,452,769.10
Tarikh Mula	01 Januari 2006
Tarikh Siap Projek	27 Februari 2009
Tarikh Siap Sebenar	27 Februari 2009
Tarikh Mula Operasi	01 April 2010

Teras	Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi			
Projek	Pembangunan Marina Awam di WP Labuan			
Objektif	Indikator Pencapaian	Sasaran Outcome	Outcome Sebenar	Rumusan Penilaian
1. Menggalakkan pelancong dan pelayar tempatan / serta antarabangsa berlabuh di Marina Awam Labuan 2. Meningkatkan ekonomi di WP Labuan	Bilangan pengunjung/ pengguna domestik / antarabangsa	Peningkatan bilangan pelancong domestik / antarabangsa menggunakan kemudahan Marina Labuan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan Pelancong Domestik Tahun 2010 – 112 orang (Purata 9 orang) • Bilangan Pelancong Antarabangsa Tahun 2010 – 411 orang (Purata 34 orang) • Bilangan Pelancong Domestik sehingga Mac 2011- 29 orang (Purata 10 orang @10%) • Bilangan Pelancong Antarabangsa sehingga Mac 2011– 158 orang (Purata 52 orang @ 34%) 	Tercapai
	Bilangan kapal yang berlabuh di Marina Awam WP Labuan Peratus kepuasan hati terhadap penyediaan kemudahan infrastruktur dan kelengkapan	Menjadikan Marina Awam sebagai tempat utama kapal-kapal kecil berlabuh	<ul style="list-style-type: none"> • Bil. Kapal Domestik berlabuh Tahun 2010 – 100 buah kapal (Purata 8 kapal sebulan) • Bil. Kapal Antarabangsa berlabuh Tahun 2010 – 219 buah kapal (Purata 18 kapal sebulan) • Bil. Kapal Domestik berlabuh sehingga Mac 2011- 26 buah kapal (9 kapal sebulan) • Bil. Kapal Antarabangsa berlabuh sehingga Mac 2011– 82 buah kapal (27 kapal sebulan 33%) 	Tercapai

	Peningkatan ekonomi WP Labuan	Alternatif pendapatan atas sejaan / caj _____ Mewujudkan peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Hasil Kutipan Sewaan / Caj pada Tahun 2010 –RM98,637.97 (Sebulan RM8,219.83) Hasil Kutipan Sewaan / Caj Sehingga Mac 2011 – RM32,427.10 (Purata RM10,809 @ RM2,590) <ul style="list-style-type: none"> Bilangan Kakitangan Semasa : 6 orang Purata Pendapatan : RM1,404 Asal : Labuan (3 orang), Sabah (2 orang), Sarawak (seorang) 	Tercapai
--	-------------------------------	--	---	----------

b) Rajah 3: Kesan Langsung Projek




c) **Hasil Kaji Selidik Perkhidmatan Kemudahan Marina Awam Di WP Labuan**

PL telah menjalankan kaji selidik terhadap orang awam dan pengguna kemudahan marina awam. Kaji selidik meliputi aspek-aspek seperti berikut:-

- i. Kemudahan marina awam telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada pemilik kapal-kapal layar, bot-bot persendirian dan kapal-kapal agensi Kerajaan.
- ii. Marina awam secara tidak langsung menarik pelancong dalam dan luar Negara serta meningkatkan ekonomi Negara.
- iii. Projek pembangunan marina awam ini wajar diperluaskan.

d) **Hasil Kaji Selidik Mengenai Kemudahan Marina Awam Telah Memberikan Perkhidmatan yang Baik kepada Pemilik Kapal-kapal Layar, Bot-bot Persendirian dan Kapal-Kapal Milik Agensi Kerajaan**


Carta 13: Hasil Kaji Selidik Kemudahan Marina Awam



Sangat Setuju : 22%
Bersetuju : 74%
Tidak Bersetuju : 2%
Sangat Tidak Bersetuju : 2%

e) **Hasil Kajian Terhadap Program yang Melibatkan Marina Awam Secara Tidak Langsung Menarik Pelancong Dalam dan Luar Negara Serta Meningkatkan Ekonomi Negara**

Carta 14: Hasil Kajian Program Marina Awam



Sangat Setuju : 40%
Bersetuju : 58%
Tidak Bersetuju
Sangat Tidak Bersetuju : 2%

f) Hasil Kajian Mengenai Projek Pembangunan Marina Awam ini Wajar Diperluaskan

Carta 15: Hasil Kajian Projek Pembangunan Marina Awam



Sangat Setuju : 46%
Bersetuju : 52%
Tidak Bersetuju : 2%
Sangat Tidak Bersetuju

g) Isu dan Cadangan Penyelesaian

Jadual 18: Isu Dan Cadangan Penyelesaian

ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
Ombak yang kuat	Pembinaan breakwater disegerakan untuk mengelakkan ombak-ombak dari laluan kapal-kapal besar memberikan kesan kepada kapal-kapal kecil yang berlabuh di Marina Awam
Pasaran	Penglibatan Jabatan Pelancongan / Kementerian Pelancongan dalam mempromosikan acara-acara yang berlangsung di WP Labuan bagi menggalakkan penggunaan Marina Awam dan seterusnya meningkatkan lagi jumlah pelancong yang datang
Kerosakan Pontoon	Pontoon yang sentiasa diselenggara dan dipantau. Bagi mengelakkan kerosakan yang besar dan memenuhi keperluan fasiliti pelayar dan kapal-kapal layar
Bekalan Air	Menaik taraf sistem perpaipan sedia ada
Bekalan Elektrik	Menaik taraf kemudahan soket <i>single</i> kepada <i>three phase</i>

h) Bilangan Pengguna Tahun 2010 dan 2011

Jadual 19: Bilangan Pengguna Tahun 2010 dan 2011

BULAN APRIL SEHINGGA DISEMBER 2010	BILANGAN KAPAL		BILANGAN PENGUNJUNG	
	ANTARABANGSA	DOMESTIK	ANTARABANGSA	DOMESTIK
JUMLAH	219	100	411	11

BULAN JANUARI SEHINGGA MAC 2011	BILANGAN KAPAL		BILANGAN PENGUNJUNG	
	ANTARABANGSA	DOMESTIK	ANTARABANGSA	DOMESTIK
JUMLAH	82	26	158	29

i) Hasil Kutipan 2010 dan 2011

Jadual 20: Hasil Kutipan 2010 dan 2011

BULAN APRIL - DISEMBER 2010	YURAN BERLABUH (RM)	CAJ AIR & ELEKTRIK (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH	79,113.97	6,024.00	85,137.97
Kutipan sewaan daripada agensi / jabatan kerajaan RM250.00 X 9 bulan = 13,500			
JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN			98,637.97

BULAN APRIL - DISEMBER 2010	YURAN BERLABUH (RM)	CAJ AIR & ELEKTRIK (RM)	LAIN-LAIN CAJ (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH	21,899.55	1,927.55	4,100.00	27,927.10
Kutipan sewaan daripada agensi / jabatan kerajaan RM250.00 X 3 bulan = 4,500				
JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN				32,427.10

Program Penghijauan Bandar Dan Alam Sekitar

Bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan alam sekitar, PL telah melaksanakan beberapa program penghijauan dengan melibatkan kerjasama masyarakat dan komuniti di WP Labuan. Penyediaan kemudahan kawasan lapang tidak hanya disediakan untuk memenuhi keperluan kawalan pembangunan, tetapi ia perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat selain menyediakan elemen-elemen rekreasi yang berkualiti dan selamat.

Sambutan Hari Landskap dan Kempen 1 Kelahiran 1 Pokok



Pada tahun 2011, sebanyak 7106 batang pokok telah ditanam di WP Labuan, dari jumlah tersebut sebanyak 6154 batang pokok ditanam oleh PL dan selebihnya ditanam oleh jabatan kerajaan, agensi swasta, sekolah dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Berdasarkan jumlah kelahiran penduduk pada tahun 2010, sebanyak 1652 batang pokok telah ditanam mengikut jumlah tersebut pada tahun 2011 dan ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sempena sambutan Hari Landskap 2011, PL dengan kerjasama Syarikat Shell Labuan selaku rakan kongsi (smart partnership) telah melaksanakan program penghijauan alam sekitar di Kina Benuwa pada 16 April 2011 dengan menanam sebanyak 5000 batang pokok bakau. Selain itu, sempena program ASEAN Youth Forum On Innovation and Creativity (AYFIC), sebanyak 21 batang pokok telah ditanam oleh para peserta antarabangsa di Taman Botani yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Maximus Jhonity Ongkili, Menteri Kementerian SainsTeknologi dan Inovasi (MOSTI)

Program Taman Botani

Bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan alam sekitar, PL telah melaksanakan beberapa program penghijauan dengan melibatkan kerjasama masyarakat dan komuniti di WP Labuan. Penyediaan kemudahan kawasan lapang tidak hanya disediakan untuk memenuhi keperluan kawalan pembangunan, tetapi ia perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat selain menyediakan elemen-elemen rekreasi yang berkualiti dan selamat.



PL telah melaksanakan sebanyak 4 program di Taman Botani yang melibatkan kerjasama dengan 3 jabatan kerajaan, Kelab Sukan Kebajikan dan Kebudayaan (KSKK) PL dan Kelab Rekreasi dan Sukan Bermotor Labuan. Aktiviti ini bertujuan mengalakkan warga Labuan mengunjungi Taman Botani seterusnya mengadakan aktiviti riadah di situ. Senarai aktiviti adalah seperti jadual 21:

Jadual 21: Program Taman Botani

BIL	TARIKH	AKTIVITI	BILANGAN PENYERTAAN
1.	5 Mac 2011	Pertandingan Memancing	200 orang
2.	2 Julai 2011	Program Larian Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia	500 orang
3.	29 Ogos 2011	ASEAN Youth Forum On Innovation and Creativity (AYFIC)	200 orang
4.	26 November 2011	Labuan Botanical Garden Mountain Bike Challenge	300 orang



PL dengan kerjasama Dewan-dewan Perniagaan di WP Labuan telah melaksanakan Kempen Mengurangkan Penggunaan Beg Plastik di WP Labuan pada 16 Oktober 2011 bertempat di Kompleks Ujana Kewangan. Terdapat 4 program sokongan yang diatur bersama program utama iaitu Pelantikan Rakan Kongsi Local Agenda 21 Labuan, Program Rakan Alam Sekitar, Program Tabika rama Perpaduan dan gerai-gerai pameran berkaitan alam sekitar oleh agensi kerajaan, dewan perniagaan dan lain-lain.

Kempen Kitar Semula



Sebanyak 86 Program kitar semula telah diadakan sepanjang tahun 2011. Program terbahagi kepada Program Kesedaran dan Program Pendidikan. Program Kesedaran Kitar Semula melibatkan 27 kampung, 59 taman perumahan dan beberapa agensi kerajaan dengan pengisian aktiviti seperti pameran, mengedarkan risalah dan jual beli barang kitar semula. Manakala program pendidikan kitar semula pula memberi tumpuan kepada para pelajar sekolah dengan aktiviti ceramah, pameran, mengedarkan risalah, pemberian cenderahati dan jual beli barang kitar semula. Sejumlah 20.83 tan barang kitar semula telah berjaya dikumpul dan dijual semula.

Carta 17: Jumlah Kutipan Barang Kitar Semula Mengikut Jenis



Carta 18: Jumlah Berat Barang Kitar Semula Terkumpul



Kawasan Lapang Dan Rekreasi

Pembangunan fizikal yang pesat dan pantas harus diimbangi dengan penyediaan kawasan hijau atau kawasan lapang dan rekreasi untuk masyarakat WP Labuan menjalani aktiviti riadah. Penyediaan kemudahan kawasan lapang tidak hanya disediakan untuk memenuhi keperluan kawalan pembangunan, tetapi ianya perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat disamping menyediakan elemen-elemen rekreasi yang berkualiti dan selamat termasuk bagi golongan kelainan upaya.

Keluasan semasa bagi tanah lapang dan rekreasi Labuan adalah seluas 179.45 hektar atau 1.75% dari guna tanah semasa Labuan Perincian bagi tanah lapang dan rekreasi mengikut zon perancangan adalah seperti jadual 22:

Jadual 22: Perincian Bagi Tanah Lapang Dan Rekreasi Mengikut Zon Perancangan

Zon Perancangan Gerbang Ekonomi ASEAN	127.92	71.09
Zon Perancangan Pusat Kecemerlangan Ilmu	15.23	8.48
Zon Perancangan Eko Warisan	36.30	20.22
Zon Perancangan Taman Marin dan Pulau-pulau	-	-
JUMLAH	179.45	100

Jadual 23: Kawasan Rekreasi Yang Telah Diwartakan

BIL	KAWASAN REKREASI YANG TELAH DI WARTAKAN	PELAN AKUI	LUAS (HA)	NO WARTA
1.	Dataran Labuan	25905	2.564	Gaz. Notn. No 5142 - 62
2.	Taman Botanikal	24825	19.518	Gaz. Notn. No.14 dated 13.1.77 dan 20.1.77
3.	Padang Hoki (2 lot)	25017 & 25146	1.208	Telah Di Warta Untuk Kawasan rekreasi bandar
4.	Hutan Paya Bakau Kina Benuwa (3 lot)		97.604	Telah diwartakan sebagai Hutan Rekreasi Paya Bakau Kina Benuwa
	JUMLAH (A)		120.894 Ha	

Jadual 24: Kawasan Lapang Yang Telah Diwartakan (Mesyuarat Exco Tanah)

BIL	KAWASAN LAPANG YANG BELUM DIWARTAKAN	PELAN AKUI	LUAS (HA)
1.	Taman Arena Fasa 1	25208	0.2405
2.	Taman Lazenda Villa 2	25269	0.3191
3.	Taman Batu Arang PL (11 lot)	23998-1 & 4	6.0402
4.	Taman Sutera 2	25179	0.087
5.	Taman Hill Top	25344 & 25171	0.2437
6.	Taman Fuliwa (3 lot)	25490 & 25201	0.763
7.	Taman Lazenda Villa 1	25140	0.1302
8.	Taman Lazenda Villa 5	25467	0.3001
9.	Taman Lazenda Villa 6	25475	0.1394
10.	Taman Lazenda Villa 7	25725	0.2111
11.	Taman Delima Sg. Bangat	25451	0.2589
12.	Taman SEC Rancha-Rancha (3 lot)	24932 & 24934	2.6874
13.	Taman Tan Boon How	23995	0.583
14.	Taman Perumahan PL Sg. Bedaun	25694	0.3041
15.	Taman Mutiara Sg. Bedaun (3 lot)	25417,25418,19	1.0091
16.	Taman Pulau	23744	0.0124
17.	Taman Amananda 18	25208	0.124
18.	Taman Chiong soon	6546	0.135
	JUMLAH B (33 lot)		13.588

Penguatkuasaan Undang-undang

Tahun 2011 merupakan "Tahun Penguatkuasaan" selaras dengan 7P yang merupakan agenda dan visi KWPKB. Aktiviti penguatkuasaan merupakan tanggungjawab yang diletakkan di bawah Jabatan Penguatkuasaan dan Pelesenan serta Unit Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Penguatkuasaan Aktiviti Perniagaan

Sebanyak 446 operasi telah dilaksanakan untuk aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan premis-premis perniagaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 9 operasi telah dijalankan secara bersepada bersama agensi penguatkuasaan lain yang ada di Labuan. Pelaksanaan operasi ini berjaya melepasi sasaran KPI Jabatan. Sebanyak 1,207 kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Pelesenan ke atas premis dan peniaga yang melanggar peraturan. 85% daripada kompaun yang dikeluarkan telah dijelaskan.

Penguatkuasaan Kawalan Tempat Letak Kereta

Aktiviti penguatkuasaan kawalan tempat letak kereta di Bandar Labuan dijalankan mengikut jadual harian. Jumlah petak letak kereta yang diseliakan adalah sebanyak 1,624 yang dibahagikan kepada 5 zon. Antara kesalahan yang kerap dilakukan ialah tidak mempamerkan atau tidak mempamerkan dengan jelas kupon letak kereta/pas letak kereta (Seksyen 2) dan kesalahan meletakkan kereta di tempat yang bersebelahan atau berhampiran dengan tempat letak kereta (Seksyen 4). Selain itu, penguatkuasaan kawalan tempat letak kereta juga diperlukan semasa acara rasmi dan acara pelancongan yang diadakan di Dataran Labuan, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa, Dewan Serbaguna PL dan di kawasan Bandar. Sebahagian aktiviti penguatkuasaan tempat letak kereta semasa acara berlangsung, dijalankan secara kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia dan RELA.

Sebanyak 11,725 kompaun dikeluarkan untuk kesalahan trafik / kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Perintah Pengangkutan Jalan (Mengadakan Tempat Letak Kereta dan Tempat Perhentian teksi) Majlis Perbandaran Labuan) 1995.



Penguatkuasaan Kesihatan Premis dan Persekutaran

Unit Kesihatan PL telah melaksanakan tindakan kawalan kebersihan di premis-premis makanan dengan kekerapan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Premis makanan (restoran, kedai kopi dan kafeteria) akan diberikan gred A dan B berdasarkan tahap kebersihan hasil pemeriksaan yang dilakukan. Bagi premis makanan yang tidak mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan, notis amaran dan kompaun dikeluarkan. Selain itu, beberapa aktiviti kawalan turut diadakan seperti Kawalan Binatang Tidak Bertuan, Kawalan LILATI (Lipas, Lalat dan Tikus), serta Kawalan Serangga Pembawa Penyakit.

Sebanyak 9 kompaun dan 22 notis amaran telah dikeluarkan oleh Unit Kesihatan ke atas pemilik premis-premis makanan di bawah Undang-Undang Kecil ‘Food and Eating Premises (Pin) 1992’ Perbadanan Labuan pada tahun 2011. Semua kompaun telah dijelaskan

Tindakan Penguatkuasaan Ke atas Rumah Sewa PL


Di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta PL, beberapa operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan telah diadakan terhadap penyewa-penyewa yang menduduki rumah sewa PL di Taman Mutiara, Taman Perumahan Sg. Bedaun dan Taman Perumahan Jalan Batu Arang. Operasi ini bertujuan untuk memastikan penyewa tidak menyewakan rumah tersebut kepada penyewa kedua selain memastikan rumah tersebut dalam keadaan baik. PL telah mengambil tindakan menutup 2 buah rumah sewa kerana penyewa melanggar syarat-syarat perjanjian penyewaan

Hasil Dan Kutipan

Pengurusan Kutipan Cukai Kadaran

Pada tahun 2011, sebanyak 13,442 pegangan di WP Labuan telah dikenakan cukai kadaran. Hasil kutipan cukai tersebut boleh dilihat pada carta 19

Carta 19: Pengurusan Kutipan Cukai Kadaran




Dalam masa yang sama, PL juga memperolehi hasil daripada Sumbangan Membantu Kadar untuk pegangan milik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Perbandingan kutipan hasil Sumbangan Membantu Kadar bagi dua tahun berturut-turut diperincikan dalam Jadual 25.

Jadual 25: Perbandingan Kutipan Hasil Bagi Tahun 2010 dan 2011

TAHUN	JUMLAH PEGANGAN	KUTIPAN
2010	1,743	RM3.06j
2011	1,563	RM2.91j

Tahun 2011 mencatatkan peningkatan ketara dalam kutipan hasil dan penurunan jumlah tunggakan. Prestasi kutipan dan tunggakan cukai kadaran boleh dilihat melalui carta 20.

Carta 20: Prestasi Kutipan dan Tunggakan Cukai Kadaran



TAHUN	JUMLAH TUNGGAKAN	KUTIPAN
2010	2,436,000	669,000
2011	1,885,544	1,174,000


Pencapaian kutipan dan pengurangan tunggakan cukai kadaran bagi tahun 2011 jelasnya telah melepas petunjuk prestasi utama yang ditetapkan oleh PL.

Pengurusan Hartanah



Dalam usaha untuk menjana kutipan hasil yang cekap, PL telah menawarkan sebanyak 715 unit rumah kediaman, 145 lot premis komersial dan 16 lot tanah miliknya untuk disewakan kepada pihak awam. Berikut adalah carta 21 yang menerangkan peningkatan hasil kutipan sewaan harta-harta PL bagi tahun 2010-2011:-


Carta 21: Hasil Kutipan Sewaan Harta-harta PL Bagi Tahun 2010-2011



Pelesenan

- a) Sebagai agensi yang melaksanakan fungsi-fungsi sebagai Pihak Berkuasa Pelesen, PL juga menerima hasil daripada pengeluaran lesen berdasarkan aktiviti yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada. Secara keseluruhan, hasil kutipan PL di bawah aktiviti pelesenan adalah berjumlah RM1,423,579.50 untuk jenis-jenis lesen berikut:

Carta 22: Hasil Kutipan Lesen 2011



- b) PL juga telah mengutip sejumlah RM180,000.00 hasil bayaran kompaun yang dikeluarkan untuk kesalahan-kesalahan pelbagai seperti bermiaga tanpa lesen, meletakkan barang-barang dangan-dangan di tempat awam, kesalahan letak kereta dan lain-lain.

Kemudahan Awam

PL berjaya mengutip sebanyak RM142,355.00 hasil daripada kutipan sewa kemudahan awam iaitu Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Padang Ragbi, Gelanggang Futsal, Gelanggang Arena Boling Padang, Gelanggang Badminton, Gelanggang Tenis dan Gelanggang Bola Keranjang. Perincian kutipan adalah seperti berikut:-

Jadual 26: Kemudahan Awam yang disediakan oleh PL dan hasil kutipan bagi Tahun 2011

BIL	JENIS KEMUDAHAN	JUMLAH KUTIPAN HASIL (RM)
1.	Gelanggang Futsal Jalan Tg. Purun	91,841.00
2.	Gelanggang Bola Keranjang	7,115.00
3.	Gelanggang Arena Boling Padang	7,462.50
4.	Gelanggang Tenis	742.00
5.	Dewan Serbaguna / Gelanggang Badminton	24,401.50
6.	Dewan Perumahan Taman Bedaun/ Gelanggang Badminton	462.00
7.	Padang Dataran	3,150.00
8.	Padang PL (Ragbi)	3,890.00
9.	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan i) Plaza Berpayung ii) Exhibition Gallery iii) Pantai	2,675.00 - 616.00
JUMLAH (RM)		142,355.00



PL juga menawarkan sewaan pelbagai kemudahan dan peralatan kepada agensi kerajaan, swasta dan orang awam. Sejumlah RM 77,971.50 telah berjaya dikutip melalui aktiviti sewaan ini. Kemudahan dan peralatan yang dimaksudkan termasuklah penyewaan khemah, peralatan majlis, bot, kenderaan dan lain-lain.

Audit Dalaman

Selaras dengan Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit, PL melalui Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan dalam bidang-bidang berkaitan dan telah dibentangkan dalam laporan audit yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Kajian Audit Terhadap Projek Perumahan Kakitangan Awam (Fasa 3) Kampung Bukit Kuda, Wilayah Persekutuan Labuan;
- ii. Auditan Kualiti MS ISO 9001:2008;
- iii. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Kutipan Hasil;
- iv. Pengauditan Pengurusan Kewangan Majlis Sukan Negara.


Pada keseluruhannya auditan mendapati peningkatan terhadap proses dan mekanisma kawalan dalam PL dan isu-isu serta penemuan audit telah berjaya diselesaikan mengikut langkah penyelesaian yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit. Laporan ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang telah bersidang seterusnya dibentangkan kepada Anggota-Anggota Perbadanan Labuan.

Laporan Kewangan 2011

Belanja Mengurus

Jumlah belanja mengurus telah meningkat sebanyak RM3.53juta selaras dengan peningkatan peruntukan geran kerajaan yang diterima sebanyak RM10juta manakala peruntukan sumber dalaman pula telah dikurangkan sebanyak RM6.47juta berbanding tahun sebelumnya dan lebihan ini dijadikan sebagai rezab tunai PL. Carta 23 menunjukkan sumber peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2007 hingga 2011.

Carta 23: Sumber Peruntukan Belanja Mengurus Bagi Tahun 2007 - 2011




Sasaran Peratus KPI PL ialah >95%

a) Prestasi Belanja Mengurus

Sasaran KPI PL untuk merancang dan membelanjakan peruntukan mengurus sekurang-kurangnya 95% daripada peruntukan yang diluluskan telah melebihi sasaran dan mencapai 96% sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

b) Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011

Carta 24: Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus PL Bagi Tahun 2011



Berikut pula merupakan perincian bagi peruntukan dan perbelanjaan mengurus PL bagi tahun 2011 dalam jadual 27.


Jadual 27: Perincian Bagi Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus PL Bagi Tahun 2011

Perkara	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus (%)
Gaji / Emolumen	9,702,659	9,664,910	100%
Elaun Tetap	6,091,898	5,936,250	97%
Sumbangan Berkanun Majikan	1,922,059	1,755,276	91%
Elaun Kerja Lebih Masa	846,980	811,764	96%
Emolumen Lain	947,626	871,165	92%
Perjalanan dan Sara Hidup	3,193,734	3,147,150	99%
Pengangkutan Barang-Barang	60,000	46,976	78%
Perhubungan dan Utiliti	2,753,548	2,617,158	95%
Sewaan	205,400	200,539	98%
Bekalan Bahan Mentah	1,207,000	1,169,520	97%
Bekalan dan Bahan Lain	1,572,000	1,517,559	97%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	12,576,074	12,421,594	99%
Perkhidmatan Iktisas & Hospitaliti	5,430,325	4,640,390	85%
Aset	375,000	306,478	82%
Pemberian kepada MSL, KSKK, Puspanita dan Maksak	470,00	450,000	96%
Aktiviti Pelancongan	1,350,000	1,173,467	87%
Ganjaran & CGR	50,000	46,441	93%
Perbelanjaan Lain	2,470,000	2,408,650	98%
Jumlah	51,224,303	49,184,790	96%

Belanja Pembangunan RMKe-10

Tahun 2011 merupakan tahun pertama pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 yang mana hanya dua projek sambungan yang dilaksanakan iaitu Pembinaan Pasar Baru Labuan dan Membina Stesen Teksi dan Bas. Peruntukan sebanyak RM13 juta telah disalurkan kepada PL dan sebanyak RM2.914 juta ataupun 22% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan. Perincian prestasi perbelanjaan adalah seperti carta di bawah.

Carta 25: Prestasi Perbelanjaan RMKe-10





Perbadanan Labuan
Wisma Perbadanan labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087 408600 Fax : 087 428997
www.pl.gov.my